

*Gereja Agen
Transformasi*

GEREJA: AGEN TRANSFORMASI TAHUN MENGIMBAS KEMBALI



(Kesemua bahan doa merupakan bimbingan sahaja. Kami berdoa agar anda beroleh wawasan lebih mendalam untuk berdoa berlandaskan usaha anda menelaah Kitab Suci pembelajaran Firman Tuhan, membaca nukilan harian, dan merenungi keadaan di dalam negara.)

Semoga Tuhan menerangi mata minda dan mata hati anda ketika anda berdoa. Semoga Roh Kudus memimpin anda dalam doa yang lebih mendalam untuk Malaysia.

"Pertama sekali aku menggesa supaya doa permohonan dan ucapan syukur disampaikan kepada Allah untuk semua orang, untuk raja-raja dan semua pengasas. Berdoalah kepada Allah supaya kita boleh hidup dengan aman dan tenteram. Kita harus menghormati Allah, dan berlaku sopan terhadap orang lain. Hal ini baik dan menyenangkan hati Allah, Penyelamat kita. Dia mahu semua orang diselamatkan serta mengetahui ajaran benar tentang penyelamatan." (1 Timotius 2 :1-4)

KANDUNGAN

4	Prakata – Rev. A. Chi
5	Tahun Mengimbas Kembali – Rev. Wong K. K.
6	Kata Menteri – Datuk M. J. Ongkili
7	Pengenalan – Leong Tien Fock
8	Garis masa Sejarah Malaysia...
10	Menurut Sejarah – Campur Tangan British
12	Kata Pemimpin Kristian – Penatua D. Boler
13	Menurut Alkitab – Roma 1:19-21; 2 Kor 4:3-4
14	Hari 1-7 (Agama/Kepercayaan)
29	Menurut Sejarah – Kontrak Sosial
30	Kata Pemimpin Kristian – Bishop Hwa Y.
31	Menurut Alkitab – Kisah Para Rasul 14:15-17
32	Hari 8-14 (Sosioekonomi dan Politik)
47	Menurut Sejarah – Rusuhan Kaum
48	Kata Para Pemimpin Kristian – Rev. S. Tang/Rev. Dr. V. Leoh
49	Menurut Alkitab – Amsal 14:21, 31; Lukas 7:22
50	Hari 15-21 (Kumpulan Manusia)
65	Menurut Sejarah – Operasi Lalang
66	Kata Para Pemimpin Kristian – Rev. Eu H. S./Bishop Voo T. F.
67	Menurut Alkitab – Amsal 11:10-11; 14:34
68	Hari 22-28 (Negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan)
83	Menurut Sejarah – Gereja
85	Kata Para Pemimpin Kristian – Pastor J. Dusing/Bishop P. Lok
85	Menurut Alkitab – 1 Tesalonika 5:23-24
86	Hari 29-35 (Gereja-gereja Tempatan)
94	Menurut Sejarah – Mengubah Negara
95	Kata Pemimpin Kristian – Bishop A. Vun
96	Menurut Alkitab – 2 Kor 5:18-19
97	Hari 36-40 (Pelayanan Gereja)
104	Sumber
106	Penyelaras Bandar

PRAKATA

Dalam buku doa tahun ini, kita mengimbas kembali masa silam kita dan melihat bagaimana negara kita terbentuk seperti yang ada pada hari ini.

Meskipun kita bersyukur keamanan dan pembangunan sepanjang tempoh 50 tahun ini, masih ada kegelapan yang menyelubungi negara ini.

Amat berguna untuk betul-betul memahami masa nan lampau. Ia mencetuskan wawasan untuk kita berdoa dan bertindak merubah hari esok menjadi lebih baik. Saya yakin maklumat serta renungan yang tersedia amat penting lagi berguna dalam kita berusaha menjadi agen Tuhan demi membawa transformasi kepada Malaysia.

Oleh itu, saya amat mengesyorkan agar anda mengikuti gagasan buku ini sebaik-baiknya dan bersama-samalah kita berdoa dan berpuasa untuk negara kita ini.

Rev. Andy C.K. Chi
Pengerusi Komisi Doa

TAHUN MENGIMBAS KEMBALI

Kata Mother Theresa: "Tidak berbaloi menjalani kehidupan yang tidak direnungi." Begitu jugalah Gereja harus senantiasa menilai diri sendiri demi mengekalkan kesesuaiannya. Sejauh manakah kesan Gereja Malaysia terhadap negara ini sepanjang 50 tahun ini? Adakah ia berjaya mengatasi kelemahan dan ancaman serta memanfaatkan kekuatan dan peluang-peluang dalam daya usahanya membina negara?

Keadaan berpecah belah antara mazhab dengan setiap satu hanya menjaga kepentingan sendiri merupakan kelemahan yang diwarisi dari zaman penjajah. Puji syukur kepada Tuhan kerana kita mencapai kemajuan dalam usaha menyatukan gereja-gereja menerusi penubuhan badan-badan kebangsaan seperti NECF dan CFM. Pelbagai gereja berpadu tenaga demi menjalankan projek-projek yang tidak dapat dijalankan secara individu oleh satu-satu gereja.

Namun, masih wujud suatu ancaman berdasarkan hakikat bahawa Gereja, terutamanya yang di Semenanjung, terdiri daripada dan didominasi oleh masyarakat kelas menengah dan menengah atas. Dari kumpulan ini, ada yang memilih untuk berhijrah ke negara lain apabila mereka menghadapi cabaran kebangsaan yang kritis lantas negara kehilangan sumber modal insan yang berharga manakala pihak Gereja kehilangan kepimpinan yang berwibawa. Sayangnya masalah ini masih belum dapat diatasi.

Kekuatan yang ketara ialah kewujudan Gereja yang agak muda dan penuh bertenaga terdiri daripada ramai penganut generasi pertama dan kedua. Semarak semangat hasil pengalaman peribadi dengan Isa Al-Masih membuatkan kita mahu menjangkau dengan kasih-Nya. Pihak Gereja mengemblem sumber berkuasa ini untuk membawa lebih ramai lagi ke dalam Kerajaan-Nya.

Jika kita melihat dengan teliti, terdapat banyak peluang untuk membina negara. Mungkin terasa seperti ada kekangan di peringkat atas namun pada aras akar umbi ada banyak saluran di mana kita boleh melakukan sesuatu yang berbeza. Warga Kristian dan gereja-gereja perlu lebih peka serta mempunyai keprihatinan dari segi sivik dan sosial demi memanfaatkan peluang-peluang ini.

Kesimpulannya, baik juga jika kita ingat bahawa kita semua duta Isa Al-Masih ke negara kita. Maka, kita harus secara serius menghitung kosnya serta berusaha agar 50 tahun yang mendatang lebih banyak hasilnya berbanding 50 tahun yang pertama kita.

Rev. Wong Kim Kong
Setiausaha Agung

KATA MENTERI

Kita bersyukur kerana dapat meraikan kepelbagaian dalam negara ini sebagai satu bangsa iaitu Bangsa Malaysia. Keharmonian yang kita nikmati menjangkau tahun yang ke-50 ini merupakan satu pencapaian yang manis dan haruslah dikekalkan sedemikian. Walaupun majoriti dalam negara ini adalah Muslim (Melayu) namun etnik-etnik lain termasuk Cina, India dan Peribumi dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dapat hidup sepakat. Saya percaya umat Kristian secara khususnya telah memainkan peranan sebagai pemangkin dalam proses tersebut. Ini adalah kerana kita berpegang kepada Injil yang inti patinya ialah perdamaian yakni perdamaian yang mengatasi batasan-batasan budaya, suku dan bangsa.

Di Malaysia selaku umat yang mengenal Tuhan, peranan kita bukan sahaja untuk memperkatakan tentang damai itu kepada bangsa lain tetapi juga untuk memperlihatkan implikasi damai tersebut di kalangan komuniti Kristian di negara ini kepada mereka yang belum mengenal Injil. Mari kita sama-sama doakan agar terang kita melalui kesaksian yang baik bercahaya dan akhirnya akan menjadi berkat kepada bangsa dan negara ini.

Y.B. Datuk Maximus Johnity Ongkili
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pengenalan

Malaysia sebuah negara di mana Islam merupakan agama yang dominan. Namun begitu, terdapat sebilangan besar penduduk bukan Islam manakala perlembagaan negara yang sekular menjamin kebebasan beragama bagi "setiap orang". Perkembangan di sini baik dalam bidang ekonomi, politik atau agama memang mempunyai implikasi sejagat memandangkan Malaysia dianggap sebagai "negara Islam contoh", mahupun oleh negara-negara Islam sendiri. Oleh itu, Gereja di Malaysia berkedudukan baik untuk memberikan kesan bukan sahaja di Malaysia, malah ke seluruh dunia. Bagaimanakah keadaan ini boleh terjadi? Dasar penjajahan Eropah!

Memang penjajahan sesuatu yang buruk. Namun, ia menjadi landasan bagi pemodenan Malaysia lantas menjadikan negara ini negara contoh bagi dunia Islam. Ia mewujudkan persekitaran yang memudahkan penyemaian akidah Kristian di luar Eropah dan merentas benua Asia. Dalam hal Malaysia, penjajahan membawa sebilangan besar pehijrah kaum bukan Islam ke bumi ini yang akhirnya menentukan bentuk perlembagaannya. Jika ditinjau kembali, penghijrahan masuk tersebut memungkinkan akidah Kristian menapak dan berakar umbi di seluruh bumi Islam ini. Tuhan telah menggunakan penjajahan demi tujuan-Nya.

Dan Roh Kuduslah yang melarang Paulus daripada meneruskan penyebaran agama di Turki tetapi sebaliknya mengarahkan haluan beliau ke Eropah (Kisah Para Rasul 16:6-10). Ertinya, awal-awal lagi Tuhan menduga betapa penjajahan Eropah akan membuka jalan bagi para mubaligh Eropah menyebarkan akidah Kristian ke seluruh dunia lantas tertubuhlah organisasi Gereja Malaysia demi menepati suatu tujuan strategik.

Leong Tien Fock, Ph.D
Komisi Penyelidikan

GARIS MASA SEJARAH MALAYSIA...

- Kesultanan Kedah (1136 – kini)
- Kesultanan Melaka (1402-1511)
- Kesultanan Sulu (1450-1899)
- Kesultanan Johor (1528 – kini)
- Dinasti Raja Orang Putih (1841-1946)
- Perjanjian Inggeris-Belanda 1824
- Negeri-negeri Selat (1826-1946)
- Perang Larut (1861-1874)
- Perang Klang (1867-1874)
- Perjanjian Pangkor 1874
- Malaya Sebagai Jajahan British (1874-1946)
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1895-1946)
- Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Abad ke-19 – 1946)
- Perjanjian Inggeris-Siam 1909
- Perang Pulau Pinang (1914)
- Borneo Utara (1882-1963)
- Pemberontakan Mat Salleh (1896-1900)
- Perang Dunia Kedua (1941-1945)
- Malayan Union (1946-1948)
- Persekutuan Tanah Melayu (1948-1963)
- Darurat Persekutuan Tanah Melayu (1948-1960)
- Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (31 Ogos 1957)
- Kemerdekaan Sabah dan Sarawak (31 Ogos 1963)
- Persekutuan Malaysia (16 September 1963 – kini)
- Konfrontasi Indonesia-Malaysia (1962-1966)
- Singapura dalam Malaysia (1963-1965)
- Rusuhan Kaum 1964 (1964)
- Perang Menentang Komunis (1967-1989)
- Peristiwa 13 Mei (1969)
- Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990 – kini)
- Operasi Lalang (1987)
- Krisis Perlembagaan Malaysia (1987-1988)
- Krisis Kewangan Asia (1997-1998)

(Garis masa ini tidak lengkap. Ia sekadar merupakan maklumat am bagi buku ini.)

MINGGU 1
JULAI 22-28

MENURUT SEJARAH,

CAMPUR TANGAN BRITISH

Pada pertengahan abad ke-19, tercetus kekacauan sosial akibat perang merebut kuasa di kalangan para ketua orang Melayu di Perak dan perbalahan puak kongsi gelap orang Cina. Lalu terbukalah peluang politik bagi pihak British.

Raja Abdullah ialah orang yang menyetujui kehadiran Residen British. Beliau menandatangani persetiaan yang dikenali sebagai Perjanjian Pangkor pada bulan Januari 1874 untuk menerima pentadbiran British dan beliau ditabalkan sebagai Sultan Perak.

Menurut perjanjian, nasihat Residen "mesti didapatkan dan dipatuhi dalam hal semua isu melainkan isu yang menyentuh agama dan adat istiadat orang Melayu." Tercatat betapa polisi tidak campur tangan dalam hal agama dan adat istiadat dilaksanakan sehingga tentangan diberikan terhadap sebarang percubaan para Mubaligh Kristian menyebarkan agama Kristian di kalangan orang Melayu.

Persetiaan tersebut menjadi landasan bagi Sistem Residen yang pertama lantas pihak British memperoleh tapak berpijak sehingga menguasai sepenuhnya politik di Semenanjung.

Sebelum akhir tahun 1874 Residen juga dilantik di Selangor dan Sungai Ujung (yang bersatu dengan kerajaan kecil berhampiran untuk membentuk Negeri Sembilan). 'Nasihat' pihak British kemudiannya diperluas ke bahagian Negeri Sembilan selebihnya dan Pahang pada tahun 1887. Empat Negeri Naungan dengan Residen bertaraf penuh disatukan dalam sebuah Persekutuan pada tahun 1896, dengan ibu negerinya di Kuala Lumpur.

Johor menerima perjanjian perlindungan pada tahun 1885 dan akhirnya mengalah akibat tekanan untuk menerima seorang Penasihat British pada tahun 1904.

Di bawah Perjanjian Bangkok 1909, Siam (kini dikenali sebagai Thailand) memindahkan kuasanya atas negeri-negeri Melayu utara (Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis) kepada British. Perjanjian-perjanjian yang serupa dikenakan ke atas negeri-negeri tersebut yang kemudiannya menjadi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, dengan setiap satu mempunyai penasihat British yang bertindak sebagai ketua pegawai pentadbiran kolonial.

Semua perjanjian antara Britain dengan negeri-negeri Semenanjung sebahagian besarnya serupa, misalnya menerima perlindungan dan peranan diplomatik British serta pelantikan seorang Residen/Penasihat British. Perlindungan daripada serangan asing sememangnya dijamin.

Sistem residen berterusan sehinggalah ketibaan orang Jepun pada tahun 1941. Selepas pendudukan Jepun, pihak British cuba mengekalkan kedudukan mereka dengan memperkenalkan sistem pentadbiran baru iaitu Malayan Union pada tahun 1946.

Walau bagaimanapun, rakyat menolak sistem baru itu. Dengan usaha berpadu, mereka menentang pentadbiran British itu. Akhirnya, pada tahun 1957, British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Persekutuan Malaysia dibentuk pada tahun 1963 menggabungkan Singapura, Borneo Utara (kini Sabah) dan Sarawak. Singapura menarik diri daripada Malaysia pada pertengahan tahun 1965.

KATA PEMIMPIN KRISTIAN,

Bersempena Malaysia mencapai usia 50 tahun pada tahun ini, ayuh kita menaksir berapa dekatnya kita dengan matlamat menjadi sebuah negara maju. Lebih penting lagi, elok jika kita fikirkan bagaimana kita sebagai Gereja, telah menyumbang terhadap pencapaian matlamat ini.

Di sini, saya diingatkan oleh seruan Isa Al-Masih betapa kita harus menjadi "garam dunia dan cahaya bagi dunia" (Matius 5:13,14). Seperti yang kita ketahui, garam sekali gus bahan awet (menghindari reput dan pencemaran) dan "penggalak tugas" (agar makanan berperisa). Maka, kehadiran warga Kristian seharusnya menghentikan pereputan moral dalam masyarakat, dan pada masa yang sama, membawa penambahbaikan terhadap kualiti hidup masyarakat mereka.

Sebagai cahaya bagi dunia, warga Kristian berperanan untuk melenyapkan kegelapan berpunca daripada rasuah, ketidakadilan dan segala bentuk kejahatan yang merosakkan nama baik negara.

Ayuh kita mentaati perintah-Nya agar cahaya kita bersinar di hadapan orang supaya mereka melihat perbuatan kita yang baik, lalu memuji Bapa kita di syurga (Matius 5:16). Dengan demikian, "orang yang bercakap bodoh tidak berpeluang memfitnah kamu" (1 Petrus 2:15).

Penatua David Boler
Pengerusi Penubuhan, Penasihat bagi NECF Malaysia

MENURUT ALKITAB,

"Allah menghukum manusia, kerana apa yang dapat diketahui orang tentang Allah sudah jelas, oleh sebab Allah sendiri sudah menyatakannya. Sejak Allah menciptakan dunia, sifat-sifat Allah yang tidak kelihatan, baik kuasa-Nya yang kekal mahupun keadaan-Nya sebagai Allah, dapat difahami oleh manusia melalui segala yang sudah diciptakan-Nya. Oleh itu manusia sama sekali tidak mempunyai dalih untuk membela diri. Mereka mengenal Allah, tetapi mereka tidak menghormati Dia sebagai Allah. Mereka tidak bersyukur kepada-Nya. Sebaliknya mereka memikirkan perkara yang bukan-bukan, dan fikiran mereka dipenuhi kegelapan."

Roma 1:19–21

"Jika Berita Baik yang kami khabarkan itu sukar difahami, maka hanya mereka yang sedang menuju kepada kebinasaan tidak memahaminya. Mereka tidak mahu percaya kepada berita yang kami khabarkan, kerana Iblis yang menguasai dunia ini menjadikan fikiran mereka tertutup. Mereka tidak dapat melihat cahaya yang menyinari mereka. Cahaya itu daripada Berita Baik tentang kemuliaan Kristus, yang merupakan gambaran Allah."

2 Korintus 4:3–4

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

Batu nisan bersurat (bertarikh 1303 atau 1387) dengan tulisan Arab yang dijumpai di Champa, Terengganu dikatakan menjadi bukti nyata pertama tentang ketibaan Islam di Malaysia. Lokasi Champa yang terletak di laluan perdagangan orang Cina menimbulkan teori bahawa Islam datang ke Malaysia melalui China. Bukti sejarah turut menyatakan bahawa Islam diperkenalkan oleh para peniaga India yang beragama Islam.

Kononnya Parameswara, pengasas Melaka, masuk Islam pada tahun 1414 setelah mengahwini seorang puteri dari Pasai. Menjelang penghujung abad ke-14, Melaka menjadi empayar Islam pertama yang berkuasa di rantau ini.

Pada umumnya, diakui bahawa secara keseluruhannya, Islam mula tersebar dari Melaka ke Asia Tenggara menerusi hubungan sosial berupa perdagangan, perkahwinan politik dan penaklukan.

Sepanjang abad ke-15, Melaka tersohor sebagai pusat komersial dan Islam di rantau ini. Rangkuman idea-idea Islam ke dalam budaya Melayu menimbulkan anggapan bahawa untuk menjadi seorang Islam seseorang itu perlu *masuk Melayu*. Agama Islam menjadi darah daging sehinggalah ritual berunsurkan

Islam diamalkan sebagai budaya Melayu.

Johor merupakan negeri Melayu pertama yang mengadakan birokrasi berbentuk Islam (1895) dan diikuti oleh Kelantan pada tahun 1915.

Perlembagaan Persekutuan meletakkan Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Pentadbiran Islam berbeza dari satu negeri ke satu negeri. Setiap negeri memiliki mahkamah syariah tersendiri yang mengendalikan hal ehwal perundangan berkaitan hal peribadi dan undang-undang keluarga Islam.

Hasil daripada pergerakan dakwah pada tahun 1970-an, pengaruh Islam begitu nyata dalam kod berpakaian, seni, media, sistem pendidikan, dan sebagainya.

Islam juga memainkan bahagian penting dalam politik negara. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, perjuangan antara Islam berunsurkan politik dan Islam berunsurkan kebudayaan dilihat semakin ketara. Ramai warga Islam konservatif melihat Islam sebagai perkara yang tidak boleh dicabar baik secara konvensional mahupun secara berperlembagaan.

BERDOALAH

1. **Puji syukur kepada Tuhan atas**
 - a. Kewujudan Islam yang secara relatifnya berbentuk maju dan sederhana dalam negara ini.
 - b. Mereka, yang berpegang kuat pada akidah Islam mereka namun terus menyokong dan menegakkan kebebasan beragama bagi orang lain
 - c. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong sebagai ketua agama dan baginda-baginda Sultan atas kepimpinan Islam mereka yang berpandangan jauh ke hadapan.
2. Undang-undang keluarga Islam dan birokrasi Islam, semoga terus adil dan saksama agar kebajikan kaum wanita Islam sentiasa terpelihara.
3. Mahkamah Syariah – semoga terus menghormati serta mengiktiraf tanggungjawab perlembagaan dan kehakiman mahkamah sivil dalam hal berkaitan penukaran agama, hak individu terhadap kebebasan beragama, dan hak penjagaan kanak-kanak daripada perkahwinan berbentuk sivil.
4. Para hakim mahkamah sivil yang beragama Islam – semoga mereka terus bersikap berani, berfikiran terbuka, dan adil lagi saksama dalam menjalankan tugas kehakiman mereka dalam perkara melibatkan pihak Islam dan bukan Islam.
5. Menentang roh di sebalik faham ultra konservatif yang boleh membawa kepada faham ekstremis agama.

Menurut sumber sejarah, jejak awal kehadiran agama Kristian terkesan seawal abad ke-7 pada peniaga Parsi dan Turki yang bersusur galur daripada Kristian mazhab Nestorius.

Penaklukan Melaka oleh Portugis pada tahun 1511 menandakan detik Mazhab Roman Katolik diperkenalkan.

Pada abad ke-17, kedatangan Belanda di rantau itu menyingkirkan Portugis sekali gus melemahkan Mazhab Katolik dan menggalakkan Mazhab Protestan Reformasi Belanda (Roxborough 1992, m.s. 7-8).

Gereja St. Peter, gereja Katolik tertua yang masih berfungsi di Malaysia di bina pada tahun 1710 selepas Belanda mengembalikan kebebasan beragama kepada penganut Katolik. Gereja Christ Church di Melaka, dibina pada tahun 1753 oleh orang Belanda merupakan sebagai gereja Protestan tertua di Malaysia. Gereja itu diserahkan kepada ahli mazhab Anglikan pada tahun 1838, 43 tahun selepas British menakluki Melaka.

Kebanyakan mazhab Protestan pada era itu dikaitkan dengan masyarakat pehijrah Cina dan India serta kumpulan peribumi di Sabah dan Sarawak.

Di Sabah, Misi Basel memulakan gerakannya di kalangan pehijrah Cina *Hakka* yang kebanyakan mereka beragama Kristian pada tahun 1882. Gereja Presbyterian berkembang melalui gereja-gereja orang Cina di Johor dan jemaah ekspatriat di Pulau Pinang, Ipoh dan Kuala Lumpur. Kebangkitan Boxer di China membawa kepada kemasukan pehijrah pengikut Gereja Methodist Cina ke Sitiawan dan Sibul.

Pehijrah Tamil ke Semenanjung termasuk mereka daripada kalangan gereja Katolik, Lutheran, Anglikan, dan Methodist. Gereja orang Syria Ortodoks yang terdiri daripada pehijrah India datang ke Tanah Melayu pada tahun 1932. Misi untuk menginjil suku peribumi Sengoi juga bermula pada tahun 1932.

Menurut penerbitan *Christianity in Malaysia* (Agama Kristian di Malaysia), kitab Perjanjian Baru berbahasa Melayu yang pertama diterbitkan pada tahun 1662, dan terjemahan pertama Alkitab ke bahasa Cina dihasilkan pada tahun 1823.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kegigihan dan komitmen para mubaligh kumpulan pertama dari semua gereja terhadap Amanah Agung.
- b. Kumpulan pertama para pemimpin Kristian yang menerima tugas dan menyahut seruan Tuhan untuk mewujudkan gereja terutamanya di kawasan luar bandar, memelopori penginjilan, misi dan pelayanan sosial.
- c. Kepimpinan sekarang atas keghairahan dan wawasan mereka untuk memperluaskan kerajaan Tuhan.

2. Roh kebijaksanaan dan kefahaman, Roh nasihat dan kekuatan, Roh ilmu pengetahuan dan ketakwaan terhadap Tuhan, terus menetap pada para pemimpin Kristian kita.
3. Semua warga Kristian daripada semua mazhab akan berdiri dengan satu suara dan keberanian untuk membantah ketidakadilan dan hal-hal yang tidak benar.

BERDOALAH

Terdapat dua cabang utama dalam Agama Buddha: Mahayana dan Theravada.

Artifak yang ditemui di Lembah Bujang, Kedah menunjukkan kewujudan Buddha Mahayana pada abad ke-4 atau ke-5. Penulisan Yiqing, seorang penziarah Cina, pada abad ke-7 menyatakan bahawa Kedah, sebuah negeri lindungan Srivijaya, sememangnya pelabuhan penting bagi perdagangan serta pusat satelit agama utama.

Srivijaya, kerajaan pertama Indonesia merupakan pusat pengetahuan Buddha. Rekod sejarah menunjukkan adanya bukti Buddha Mahayana di Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu.

Abad ke-8 menyaksikan utara Semenanjung di bawah pengaruh Agama Buddha. Negeri Perak menjadi sebahagian daripada kerajaan Buddha Tanah Melayu di Srivijaya.

Satu lagi bentuk Agama Buddha, Theravada, tersebar ke Kelantan dan Terengganu melalui Thailand pada abad ke-10.

Dengan kemerosotan kerajaan Srivijaya pada abad ke-11, pengaruh agama Buddha juga beransur-ansur hilang. Kebanjiran pedagang Cina dan pekerja pehijrah memperkenalkan semula Buddha Mahayana ke Malaysia, terutamanya di bawah pemerintahan British pada abad ke-19. Kuil Kek Lok Si (Pulau Pinang) dibina pada penghujung abad ke-19.

Pendatang Sri Lanka membawa Buddha Theravada bersama-sama mereka dan mengasaskan kuil Buddha Brickfields, Maha Vihara (Kuala Lumpur), pada tahun 1894.

Dua tahun selepas Kemerdekaan 1957, Persatuan Agama Buddha Malaysia (*Malaysian Buddhist Association*) ditubuhkan untuk menggalakkan perpaduan dan kebajikan sosial penganut Buddha di Malaysia.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kasih-Nya terhadap penganut agama Buddha.
- b. Keharmonian perhubungan dalam kalangan semua kumpulan agama dalam negara ini.

2. Akan roboh jua benteng-benteng keagamaan yang menghindari para penganut agama Buddha daripada sedia mendengar berita baik Injil.
3. Akan terbuka hati dan minda yang diterangi keinginan untuk melihat KEBENARAN hakiki.

BERDOALAH

Agama orang Cina adalah campuran Taoisme, Konfusianisme dan Buddha Mahayana. Kepercayaan itu lebih banyak memperlihatkan aspek ciri budaya, etika dan falsafah yang dipatuhi sejak beberapa generasi yang lampau lagi.

Taoisme menggabungkan harmoni animistik lama dengan alam semesta. Konfusianisme menitik beratkan aspek politik dan moral dalam kehidupan, sementara agama Buddha pula menitik beratkan kehidupan sesudah mati. Amalan penyembahan nenek moyang berakar umbi dalam konsep ketaatan kepada ibu bapa ajaran Konfusian.

Encyclopedia of Malaysia merunut sejarah awal agama Cina pada sebuah penempatan kecil pada abad ke-15 yang didirikan di Melaka oleh para pedagang *Hokkien*.

Namun, bangunan topekong dan perkuburan menunjukkan kebanjiran pehijrah warga Cina pada abad

ke-19 semasa zaman perlombongan timah dan emas. Kuil-kuil, amalan dan ritual agama digunakan sebagai penghubung penting dengan kampung halaman pehijrah.

Para ketua masyarakat Cina dipanggil *Kapitan*. Beberapa orang daripada mereka menjadi keramat penaung yang disembah oleh orang Cina. Misalnya, ketua pelombong emas orang *Hakka* di Sarawak, yang mati semasa kebangkitan anti-kolonial pada tahun 1857, diisytiharkan sebagai *Dai Pak Gong* kerana menjadikan Kuching sebagai ibu negeri Sarawak. Tugunya ditempatkan dalam sebuah kuil dan disembah oleh warga Cina tempatan.

Agama Cina Malaysia juga mengintegrasikan nilai tempatan dan sistem kepercayaan. Ia memperkenalkan beberapa dewa tempatan seperti *Na Tuk Kong* dan *Tua Pek Kong*.

Kuil Cheng Hoon Teng di Melaka yang dibina pada tahun 1645 merupakan kuil tertua dalam negara.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kasih-Nya terhadap orang yang belum lagi mempercayai-Nya.
- b. Keharmonian perhubungan dalam kalangan semua kumpulan agama dalam negara ini.
- c. Begitu berkembangnya gereja berbahasa Cina di seluruh Malaysia.

2. Akan roboh jua benteng-benteng budaya, kepercayaan pada tahyul dan tradisi yang menghindari orang daripada sedia mendengar berita baik Injil.
3. Menentang kuasa-kuasa roh yang menunjangi segala bentuk penipuan rohani (Efesus 6:12).
4. Akan terbuka hati dan minda yang diterangi keinginan untuk melihat KEBENARAN hakiki.

Bukti Arkeologi menunjukkan orang India terawal datang ke Perlis pada abad ke-5 atau ke-6. Sumber-sumber Tamil membuktikan hubungan antara Kedah dan Kerajaan Chola di India Selatan.

Penemuan monumen agama di Lembah Bujang, Kedah, yang ada sejak abad ke-7 lagi.

Kuil Sir Poyyatha Vinayagar Moorthi di Jalan Hang Jebat, Melaka, dibina pada tahun 1781, dikatakan kuil tertua yang masih berfungsi di Malaysia.

Para saudagar India pada abad terawal mendedahkan bukan sahaja dengan Agama Buddha, malah agama Hindu

juga kepada orang pantai barat. Walau bagaimanapun, banyak upacara dan amalan Hindu dibawa masuk melalui penghijrahan orang India beramai-ramai pada abad ke-19, kebanyakan mereka daripada keturunan India Selatan.

Kuil adalah komponen terpenting dalam amalan penyembahan Hindu. Penyelamatan bererti tanda kebebasan daripada penjelmaan semula dan penyatuan dengan Tuhan adalah antara kepercayaan asas penganut agama Hindu.

Biarpun ada yang mempersoalkannya, agak ketara pengaruh Hindu dalam budaya tempatan (contoh: wayang kulit), bahasa dan konsep politik.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kasih-Nya terhadap semua insan.
- b. Keharmonian perhubungan dalam kalangan semua kumpulan agama dalam negara ini.
- c. Kewujudan gereja berbahasa Tamil.

2. Akan roboh jua benteng-benteng budaya, kepercayaan pada tahyul dan tradisi yang menghindari orang daripada sedia mendengar berita baik Injil.

3. Menentang kuasa-kuasa roh yang menunjangi segala bentuk penipuan rohani (Efesus 6:12).
4. Akan terbuka hati dan minda yang diterangi keinginan untuk melihat KEBENARAN hakiki.

BERDOALAH

Kumpulan pertama warga Sikh tiba pada tahun 1850-an melalui hubungan British. Namun begitu, gelombang sebenar penghijrahan berlaku pada tahun 1870-an tatkala bermulanya era penjajahan British. Mereka dibawa masuk beramai-ramai untuk menjaga kedaulatan undang-undang di Negeri-negeri Selat. Unit angkatan bersenjata pertama ialah Sikh Perak pada 1884-1896.

Kuil *gurdwara* merupakan pusat tumpuan agama dan aktiviti sosial warga Sikh. Pada tahun 1881, *gurdwara* pertama dibina di Pulau Pinang oleh orang Sikh yang menganggotai polis.

Antara kuil terawal di Lembah Klang ialah Sahib Gurdwara Polis di Jalan Parlimen, yang dibina pada tahun 1890.

Dilaporkan bahawa terdapat kira-kira 55,000 orang Sikh bersama 119 *gurdwaras* di Malaysia.

Majlis Gurdwara Malaysia (*Malaysian Gurdwaras Council*) ditubuhkan pada tahun 1988 untuk menyelaraskan fungsian kuil-kuil ini.

Orang Sikh percaya pada keesaan tuhan yang tiada bentuk. Penganut Sikh yang unggul ialah mereka yang benar-benar sejiwa dengan kehendak tuhan dan mereka yang menzahirkan cinta kepada tuhan melalui amalan baik dan khidmat masyarakat.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kasih-Nya terhadap warga Sikh.
- b. Keharmonian perhubungan dalam kalangan semua kumpulan agama dalam negara ini.

2. Akan roboh jua benteng-benteng keagamaan yang menghindari warga Sikh daripada sedia mendengar berita baik Injil.

3. Akan terbuka hati dan minda yang diterangi keinginan untuk melihat KEBENARAN hakiki dalam usaha mencapai 'kesempurnaan'.

HARI 7 (28 Julai, Sabtu)

KEPERCAYAAN SUKU PERIBUMI

Kepercayaan suku peribumi boleh diklasifikasikan secara longgar sebagai animisme, yang dianggap sebagai agama tertua yang diketahui manusia.

Kepercayaan peribumi merujuk pada semua amalan oleh Orang Asli di Semenanjung dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Idea mereka tentang dunia alamiah dan ghaib serta prinsip moral lazimnya distrukturkan dengan baik.

Masyarakat peribumi yang mempercayai makhluk tertinggi iaitu pencipta dunia, menyedari kepentingan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan masyarakat serta dengan dunia lain iaitu alam roh, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Sebarang ketidakseimbangan akan membawa malang, penyakit, tanaman tidak menjadi, dan sebagainya. Pemulihan

harus dilakukan untuk mengembalikan keseimbangan dengan meredakan kemarahan para roh melalui ritual, mengorbankan binatang dan pemberian makanan. Pawang (ketua agama dan bomoh) bertindak sebagai pengantara antara dunia manusia dengan roh.

Sistem kepercayaan secara rasminya tidak diiktiraf dan kesannya tak diinstitusikan seluruhnya. Pengajaran dan nilai-nilai disampaikan melalui tradisi lisan.

Semasa era kolonialisme dan pemodenan, masyarakat peribumi diletakkan pada kedudukan yang baik khususnya oleh para mubaligh, orang Kristian dan orang Islam.

Biarpun ramai yang menerima agama lain, elemen utama bagi kepercayaan tradisional mereka masih dikekalkan.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kasih-Nya terhadap manusia yang menjalani hidup yang sederhana.
- b. Kekuatan faham bermasyarakat dan kebaikan mereka terhadap kedatangan pengunjung.

2. Akan roboh jua benteng-

benteng budaya, kepercayaan pada tahyul dan tradisi yang menghindari orang daripada sedia mendengar berita baik Injil.

3. Menentang kuasa-kuasa roh yang menunjangi segala bentuk penipuan rohani (Efesus 6:12).
4. Agar hati dan jiwa mereka diterangi keinginan untuk melihat Maha PENCIPTA yang satu yang memberikan Anak-Nya yang tunggal demi penyelamatan mereka.

BERDOALAH

MINGGU 2

JULAI 29 - OGOS 4

MENURUT SEJARAH,

KONTRAK SOSIAL

Pada tahun 1956, Suruhanjaya Perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid datang ke Tanah Melayu untuk mendraf perlembagaan bagi Tanah Melayu yang merdeka.

Dalam proses tersebut, UMNO, pekongsi yang menerajui Perikatan UMNO-MCA-MIC, diminta untuk menyetujui "kewarganegaraan setara bagi seluruh Persekutuan." Itu membolehkan "semua penduduk (di Tanah Melayu) layak diiktiraf sebagai rakyat sama ada secara kelahiran atau dengan memenuhi keperluan bermastautin dan bahasa serta dengan mengangkat sumpah setia."

Para pemimpin ketiga-tiga parti berdasarkan kaum itu bersetuju untuk terlebih dahulu menyelesaikan perbezaan yang ada dan bercakap dengan satu suara kepada suruhanjaya tersebut. Inilah asal-usul kontrak sosial antara UMNO dengan para pemimpin MCA. MCA mengakui bahawa hak istimewa orang Melayu harus dilindungi, dan sebagai balasan UMNO mengakui yang orang Cina dan orang bukan Melayu yang lain diberikan hak kewarganegaraan dengan lebih mudah berasaskan prinsip *jus soli* (melalui kelahiran). Orang Cina juga dibenarkan untuk terus memainkan peranan dominan dalam bidang ekonomi.

Cadangan draf Suruhanjaya Reid diterbitkan pada tahun 1957. Cadangan draf itu kemudiannya dikaji semula dan dipinda oleh sebuah jawatan kuasa kerja, para wakil Parti Perikatan, Raja-Raja Melayu dan kerajaan British pada sebuah mesyuarat di London dan sekali gus mewujudkan Perlembagaan Merdeka (*Merdeka Constitution, MC*). Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong diberi tanggungjawab untuk melindungi "kedudukan istimewa orang Melayu" dan "kepentingan sah kaum-kaum lain".

Sebelum penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, satu lagi proses perundingan dimulakan dengan Borneo Utara (kini Sabah) dan Sarawak pada tahun 1962. Proses ini menghasilkan kontrak sosial (terkandung dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold) yang menyerupai konsensus yang diperoleh pada tahun 1956-57.

Seperti yang ternyata di dalam memorandum yang diserahkan oleh Parti Perikatan, teras kontrak tersebut ialah Islam menjadi agama rasmi, tetapi "amalan prinsip ini tidak boleh menyebabkan apa-apa ketidakupayaan rakyat bukan Islam untuk mengakui dan mengamalkan agama mereka sendiri serta tidak harus mengimplikasikan bahawa Negara ini bukan sebuah negara sekular."

Peruntukan MC jelas menyediakan rangka kerja bagi Perlembagaan Persekutuan 1963. Perlembagaan 1963 itu terus melindungi peruntukan hak istimewa dan keistimewaan orang Melayu, bahasa kebangsaan, dan agama tanpa merampas "apa-apa hak dan keistimewaan mana-mana rakyat, permit atau lesen terakru atau yang dinikmati atau dipegang oleh pihak itu" (Artikel 153). Ia juga merangkumi "beberapa isu lain yang kini merupakan bahan perbalahan antara orang Melayu dengan Cina."

Secara ringkasnya, Perlembagaan yang dirumuskan pada tahun 1957 dan 1963 melalui perundingan dan konsensus para bapa pengasas negara, berdasarkan pada kontrak sosial yang menjadi landasan penubuhan negara ini.

Dipetik daripada <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=12&action=view&retrieveid=644>

KATA PEMIMPIN KRISTIAN,

Apalah perlunya bertele-tele tentang membina negara dan bangsa?

Bukankah dunia yang penuh kejahatan ini umpama kapal yang sedang karam dan daripadanya setiap orang perlu diselamatkan?

Bukankah gereja sepatutnya menjadi bot penyelamat dan semua warga Kristian yang baik harus melompat masuk ke dalamnya agar selamat daripada kemurkaan Tuhan?

Tugas warga Kristian adalah untuk memberi tunjuk ajar dan menyeru semua agar lari daripada penghakiman yang mendatang.

Oh pastinya kita juga harus ada untung sampingan sedikit-sedikit, atau banyak lagi jika *kita* tahu cara memanipulasikan keadaan. Apa pun, bukankah Tuhan mahu semua anaknya sihat, makmur dan diberkati sambil mereka menantikan kembalinya Isa Al-Masih ke bumi.

Tetapi jika keadaan di Malaysia menjadi tidak selesa bagi kita dan bermusuhan terhadap gereja, kita boleh bungkus saja barang-barang kita dan berhijrah ke barat.

Berbicara fasal warga Kristian menyumbang kepada usaha membina negara hanya kosong kecuali cakap karut duniawi.

Tentunya ada bahagian-bahagian yang agak tak selesa dalam Alkitab seperti Matius 5:13, 14 di mana Isa Al-Masih mengatakan gereja harus menjadi 'garam dunia' dan 'cahaya dunia'. Oh ya, apalah yang dimaksudkan oleh Yesus dengan garam dan cahaya dunia itu?

Namun, secara ikhlas saya katakan, andainya pada Hari Penghakiman Tuhan menyoal apa yang saya buat dengan ayat-ayat Firman-Nya itu, tidaklah saya tahu nak jawab sepatah pun!

Bishop Hwa Yung
Gereja Methodist Malaysia

MENURUT ALKITAB,

"Mengapa kamu melakukan hal ini? Kami pun manusia seperti kamu semua! Kami datang di sini untuk mengkhabarkan Berita Baik supaya kamu meninggalkan berhala-berhala yang tidak berguna itu, lalu datang kepada Allah yang hidup, Pencipta langit, bumi, dan laut serta semua yang ada di dalamnya. Pada masa yang lampau Allah membiarkan semua orang mengikut kemahuan masing-masing.

Tetapi Allah sentiasa memberikan bukti-bukti tentang diri-Nya dengan perkara-perkara baik yang dilakukan-Nya. Dia mengurniai kamu hujan dari langit serta hasil bumi pada musimnya. Dia mengurniai kamu makanan serta menyenangkan hati kamu."

Kisah Para Rasul 14:15-17

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

HARI 8 (29 Julai, Ahad)

EKONOMI KETIKA NEGARA BARU BERMULA

Demi memastikan kestabilan, pihak British memperkenalkan dasar pecah dan perintah sebab mereka menduga kesukaran pembangunan sebuah masyarakat berbilang bangsa dan pelbagai agama sebanding dengan alasan ekonomi apatah lagi pembawaan kaum berlainan sememangnya berbeza.

Sebagai memampas 'kehilangan kuasa' raja-raja Melayu, campur tangan British memang amat sedikit sekali. Petani Melayu dibiarkan meneruskan menanam padi.

Orang Cina, dilihat sebagai pemodal yang boleh membantu kerajaan meningkatkan hasil kerajaan, dibenarkan untuk secara bebas menceburi perlombongan timah dan aktiviti-aktiviti komersial.

Orang British, bagaimanapun, terlibat sepenuhnya dalam merekrut kaum buruh daripada India Selatan untuk memenuhi keperluan buruh di ladang, terutamanya ketika era lonjakan harga getah pada awal abad ke-20.

Sikap sedemikianlah yang barangkali menjadi batu asas bagi polarisasi kaum.

Di Sarawak, pembangunan ekonomi dikekang demi memelihara cara hidup peribumi. Kerajaan Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) bergantung pada modal orang Eropah dan orang Cina untuk membangunkan industri berorientasikan eksport seperti perusahaan minyak dan balak.

Namun begitu, usaha pihak British mewujudkan infrastruktur yang baik, sistem yang sah dan pentadbiran yang berkesan berjaya memajukan eksport ekonomi berasaskan bahan mentah yang menguntungkan serta dicemburui negara-negara serantau di Asia Tenggara pada ketika itu.

Hari ini, ekonomi Malaysia beranjak daripada intensif buruh menjurus kepada intensif kemahiran yang menyasarkan pembangunan pembuatan nilai tambah yang lebih tinggi dan pengembangan dalam sektor perkhidmatan.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Rahmat-Nya memberkati ekonomi negara.
- b. Wujud ekonomi berdaya tahan meskipun terdapat cabaran dan berlaku pelbagai krisis.
- c. Adanya dasar-dasar yang menangani masalah kemiskinan.

2. Komitmen serta tindakan pada peringkat nasional untuk menghapuskan kemiskinan dan menangani keperluan mereka yang miskin.

3. Komuniti perniagaan yang menyedari tanggungjawab mereka untuk menyediakan peluang-peluang kepada mereka yang miskin dan kurang bernasib baik.

4. Persekitaran ekonomi yang stabil dan berkembang yang membolehkan mereka yang miskin memajukan diri dan berdikari dan mampu menyumbang terhadap kualiti hidup dalam negara.

5. Keuntungan yang jujur, integriti tenaga kerja, penjagaan sumber dan masyarakat yang didorong oleh hati nurani.

6. **Garam & cahaya dunia:** Para ahli perniagaan dan profesional Kristian yang memberi kesaksian dengan berhati nurani bimbingan Tuhan; yang menjalani kehidupan di dunia dengan kesucian dan keikhlasan serta menunjukkan betapa Tuhan memberkati kehidupan mereka dalam masyarakat mereka masing-masing.

Melaka nyata merupakan kemuncak bagi Kesultanan Melayu. Selepas kejatuhannya, negeri dan wilayah subsidiari terpisah-pisah. Setiap negeri dan wilayah memiliki raja dan ketua sendiri yang menggunakan pengaruh yang besar ke atas hal-hal politik, ekonomi dan ketenteraan.

Sewaktu pemerintahan British, kuasa Sultan disingkirkan. Sultan hanya menjadi simbol kedaulatan politik Melayu dan hanya menerima gaji dan elaun.

Di bawah pentadbiran baru, Residen dan Penasihat British masing-masing merupakan pegawai penting dalam Negeri Bersekutu dan Negara Tidak Bersekutu. Pegawai tertinggi ialah Pesuruhjaya Tinggi dengan sebuah Majlis Persekutuan (dibentuk pada tahun 1909) untuk menasihati Pesuruhjaya Tinggi dalam hal mana-mana peraturan dan dasar baru.

Selepas Perang Dunia Kedua, kesedaran politik baru mencetuskan pembentukan beberapa parti politik di kalangan orang Cina, India dan Melayu. Parti politik itu ialah UMNO, MCA dan MIC yang mewakili kepentingan kaum mereka masing-masing.

Satu perikatan dibentuk pada tahun 1954 dan terbukti menjadi sebuah kuasa politik yang berkuasa. Pada tahun 1973, perikatan tersebut digantikan dengan satu gabungan lebih luas – Barisan Nasional – terdiri daripada 14 parti.

Apabila mendraf perlembagaan bagi kemerdekaan Tanah Melayu, pemimpin UMNO dan MCA pada tahun 1956 bersetuju untuk satu 'perundingan' iaitu MCA mengakui hak istimewa orang Melayu sebagai balasan terhadap syarat-syarat kewarganegaraan yang lebih liberal, serta kebebasan buat orang China dalam mengejar kepentingan ekonomi dan perniagaan mereka.

Tunku Abdul Rahman berkata pada tahun 1969, "Orang Melayu sudah memperoleh kuasa politik untuk diri mereka. Orang Cina dan India memenangi kuasa ekonomi untuk diri mereka."

Sistem kerajaan di Malaysia sekarang merupakan model yang hampir sama dengan sistem parlimen Westminster, sebuah warisan pemerintahan kolonial British. Politik Malaysia sudah agak stabil tetapi masih diganggu kuasa-kuasa yang agak mengecewakan.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kedaulatan-Nya ke atas Malaysia sepanjang sejarah politik negara ini.
- b. Kestabilan politik yang menyediakan persekitaran yang aman damai kepada rakyat.
- c. Peranan kerajaan dalam Kerajaan-Nya.

2. Semoga kerajaan memenuhi tujuannya dengan menyediakan sumber beramanah bagi tadbir urus bertakwa dan keadilan berkhidmat terhadap keperluan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

3. Semoga lelaki dan wanita penuh integriti dan kebijaksanaan serta kefahaman ditempatkan dalam semua bidang perundangan, eksekutif, kehakiman dan tentera.

4. Cabang kehakiman

- a. Semoga para hakim menghakimi tanpa berat sebelah, tanpa berasa takut terhadap manusia mahupun kuasa atau pengaruh.

- b. Semoga terdapat akses kepada remedi perundangan bagi setiap orang yang terjebak dalam pertelingkahan atau konflik.

5. Semoga sebagai warga Malaysia kita akan memanfaatkan kebebasan dan kuasa yang diberikan kepada kita untuk memilih yakni mengundi lelaki dan wanita yang berwibawa.

6. Garam & cahaya dunia:

- a. Semoga warga Kristian akan mengenal panggilan tugas mereka untuk menjadi warga yang baik dan berusaha demi keadilan agar Nama-Nya sentiasa dimuliakan dan diagungkan.
- b. Semoga para profesional dan ahli politik Kristian mendukung panggilan tugas mereka dengan menyokong tonggak keadilan dan berfikir mengikut Isa Al-Masih dalam arena politik.

HARI 10 (31 Julai, Selasa)

MASYARAKAT MAJMUK

Sejarah awal menunjukkan bahawa sebilangan besar penduduk Melayu terdiri daripada pehijrah daripada koloni Belanda, misalnya Sumatera.

Kebanjiran pehijrah dari China dan India dalam era kolonial British secara drastiknya mengubah komposisi kaum di semenanjung. Seseengah pehijrah tidak pulang ke tanah air mereka selepas tempoh tertentu, sebaliknya terus menetap dan memancarkan akar-umbi mereka. Bermulalah perkembangan sedikit demi sedikit ke arah masyarakat majmuk.

Bagaimanapun, tanggungjawab bagi orang Melayu, Cina dan India sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak British membawa pada persepsi stereotaip dan pengasingan. Proses integrasi budaya berlaku dengan amat perlahan. Pewujudan Protektorat bagi orang Cina membuatkan para pemimpin Melayu berasa kurang penting berinteraksi dengan orang Cina.

Menurut banci tahun 1931, bilangan warga Melayu sudah diatasi. Keadaan yang membimbangkan itu membuat pegawai British mengulangi komitmen mereka untuk melindungi

'keistimewaan khas' orang Melayu, misalnya untuk mengekalkan kedudukan dan dengan kuasa raja-raja Melayu dan pemilikan tanah.

Enakmen Rizab Melayu 1913 dipinda pada tahun 1933 untuk menghalang orang bukan Melayu daripada memperoleh apa-apa bentuk pemilikan tanah.

Namun, raja-raja Melayu mempunyai sejarah panjang dalam kerjasama dengan saudagar-saudagar Cina yang utama. Hubungan antara orang Cina dan orang Melayu yang mempunyai hak istimewa dipupuk pada zaman kolonial melalui pengalaman bersama dalam pendidikan Inggeris dan penerimaan taraf sosial masing-masing.

Sejarah moden Malaysia mengatakan bahawa agama dan keharmonian kaum kini kian rapuh. Antara sebab utamanya ialah "merangkumkan agama dengan sifat etnik disertai keutamaan politik orang Melayu bertentangan dengan aspirasi warga etnik lain terhadap kesamaan sepenuhnya," tepat sebagaimana yang dikatakan oleh seorang penganalisis politik.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Berkat campur tangan-Nya dalam kejadian konflik perkauman yang lepas-lepas.
- Usaha Kerajaan untuk mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional.
- Hormat, kefahaman, kesediaan bertolak ansur dan berkongsi antara semua kaum.

2. Pengampunan, pemulihan dan pengembalian bagi mereka yang terjejas oleh kejadian perkauman.

3. Menentang semangat bersengketa yang mendorong mereka yang menghasut dan membangkitkan sentimen perkauman dan isu-isu agama demi kepentingan diri mereka sendiri.

4. Kerajaan serta para pemimpin pelbagai kumpulan etnik untuk 'cakap serupa bikin' dalam hal memupuk perpaduan dan integrasi.

5. Penyingkiran perbuatan pilih kasih dan diskriminasi kaum daripada semua dasar dan pelaksanaan projek.

6. Para guru dan ibu bapa menjadi contoh teladan yang menanamkan nilai-nilai luhur dan rasa saling menghormati dalam kalangan kanak-kanak.

7. **Garam & cahaya dunia:** Gereja tempatan merealisasikan tanggungjawab masyarakat mereka dengan menghasilkan penyelesaian kreatif yang menampakkan kebaikan Tuhan.

Pihak British menubuhkan sekolah vernakular pada tahun 1872 untuk mengatasi masalah buta huruf. Bahasa Melayu diajarkan pada waktu pagi dan pendidikan agama pada waktu petangnya. Namun, *sekolah pondok* masih popular, terutamanya pada tahun 1914-1945.

Sistem sekolah vernakular Cina ditaja oleh individu, Pertubuhan Mubaligh London dan kerajaan Manchu di China. Sekolah Chung Hwa di Pulau Pinang tercatat sebagai sekolah pendatang pertama di Tanah Melayu. Pada tahun 1920, pihak British menguatkuasakan enakmen pendaftaran untuk mengawal sekolah-sekolah Cina kerana khawatir akan penyebaran ideologi anti-British.

Pada awalnya, sekolah-sekolah Tamil dibina di estet getah atau ladang dengan bantuan daripada pemilik ladang atau Pertubuhan Mubaligh Kristian.

Penubuhan Sekolah Inggeris adalah untuk memberi pendidikan umum tanpa mengira suku kaum.

Pendudukan Jepun dan perjuangan untuk merdeka dalam tanah jajahan lain

menyebabkan pihak British mentakrif semula pendidikan dalam konteks pelbagai bangsa. Sekolah kebangsaan telah ditetapkan menggunakan bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sekolah Cina dan Tamil diterima sebagai sekolah jenis kebangsaan di mana bahasa Inggeris dan bahasa Melayu digunakan juga.

Menteri pendidikan pertama, Tun Abdul Razak, mengetuai sebuah jawatankuasa untuk memberi nafas baru kepada sistem pendidikan penjajah dalam usaha untuk menubuhkan sistem kebangsaan yang akan diterima oleh semua kaum. Laporan Razak 1956 menjadi dasar Ordinan Pendidikan 1957.

Bagi memacu sistem pendidikan ke kemuncak lebih tinggi, *Pelan Pendidikan Kebangsaan* lima tahun dilancarkan pada bulan Januari 2007. Teras dan tujuannya ialah: Membangunkan "*Bangsa Malaysia*", mengembang modal insan, mengukuhkan sekolah kebangsaan, mengecilkan jurang pendidikan antara sekolah luar bandar dan bandar, mengangkat profesion pendidikan dan meningkatkan kecemerlangan institusi pendidikan.

BERDOALAH

1. Puji syukur kepada Tuhan

- Atas barisan menteri pendidikan kita yang berdedikasi sepanjang sejarah Malaysia.
- Semoga kementerian pendidikan yang ada sekarang telah mengorak langkah progresif lagi berani untuk mengatasi kekurangan dan kelemahan semasa dan membawa penambahbaikan kepada sistem pendidikan.
- Atas para guru besar dan guru yang penuh komitmen.

2. Kementerian pendidikan dan jabatan pendidikan negeri: atas kebijaksanaan, kesaksamaan, pelaksanaan dasar-dasar baik secara berkesan.

3. Pelantikan para canselor dan pensyarah, merekrut para guru besar dan guru, kenaikan pangkat, dan sebagainya, semoga semuanya berdasarkan merit dan kebolehan.

- Pengawasan yang baik dalam hal mengurus peruntukan dana untuk penambahbaikan sistem sekolah.
- Semoga penubuhan persatuan bukan Islam di semua sekolah dilaksanakan sepenuhnya. Semoga terbukalah segala pintu bagi persaudaraan dan brigeed Kristian.

6. Garam & cahaya dunia:

- Semoga Gereja menemui cara-cara yang kreatif untuk berinteraksi dengan sekolah-sekolah dalam komuniti masing-masing.
- Semoga para ibu bapa Kristian akan lebih terlibat di sekolah-sekolah.
- Semoga lebih ramai warga Kristian mengambil bidang pengajaran sebagai pekerjaan mereka.

HARI 12 (2 Ogos, Khamis)

NEGARA SEKULAR ATAU SEBALIKNYA

Sejak merdeka, kedudukan Islam dalam perlembagaan adalah sebagai "agama Persekutuan" dalam Artikel 3 yang secara amnya difahami pada awalnya sebagai bagi tujuan ritual dan upacara.

Dokumen perlembagaan dengan jelas menyatakan bahawa Artikel 3 tidak mengimplikasikan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara teokratik.

Laporan Suruhanjaya Reid, berdasarkan kontrak sosial dibuat oleh para bapa pengasas negara, menjelaskan bahawa pematuhan pada peruntukan "tidak harus mempertanggungjawabkan sebarang ketidakupayaan kepada rakyat orang bukan Islam dalam mengaku dan mengamalkan agama mereka sendiri; serta tidak harus mengimplikasikan bahawa negara bukannya sebuah kerajaan sekular."

Pada tahun 1958, Tunku Abdul Rahman dalam parlimen mengumumkan bahawa, "Saya mahu menjelaskan bahawa negara ini bukan negara Islam sebagaimana yang difahami umum, kita hanya mensyaratkan Islam menjadi agama rasmi Negara."

Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Salleh Abas, dalam kes *Che Omar bin Che Soh lawan Pendakwa Raya (1988)*, setelah menyemak sejarah perlembagaan Malaysia membuat keputusan kehakiman bahawa agama Islam dalam Artikel 3 bermakna, agama Islam hanya dalam tindakan berkaitan ritual dan upacara. Ia langsung tidak pernah berniat untuk melanjutkan penerapan Syariah dalam ruang lingkup undang-undang awam.

Dengan kata lain, Perlembagaan Persekutuan tidak pernah diniatkan untuk mengangkat undang-undang Islam mengatasi undang-undang sivil.

Lantaran adanya bidang kuasa undang-undang Islam ke atas hal peribadi dan keluarga bagi mereka yang beragama Islam, paling baik, Malaysia boleh digambarkan sebagai negara sekular bersyarat.

Petikan daripada <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=12&action=view&retrieveid=752>

BERDOALAH

1. Puji syukur sebab kebijaksanaan Tuhan atas mereka yang terlibat mendraf perlembagaan yang menjadikan Malaysia sebuah negara sekular.
2. Semoga semua peringkat Kerajaan yakni legislatif, eksekutif dan kehakiman akan mendukung perlembagaan sekular kita.
3. Semoga ada pemisahan antara institusi agama dengan institusi negara.
4. Semoga kepentingan semua warganegara tanpa mengira latar belakang akan dijaga dengan baik.
 - a. Semoga para ahli politik tidak mengeksploitasi agama demi agenda politik mereka sendiri.
 - b. Semoga pihak berkuasa agama tidak mengeksploitasi agama demi agenda keagamaan mereka.
5. **Garam & cahaya dunia:** Semoga para ahli politik Kristian akan berani mempertahankan keadilan dan berkata segala yang benar dan beroleh perkenan daripada Tuhan serta manusia.

HARI 13 (3 Ogos, Jumaat)

KEBEBASAN BERAGAMA BERSYARAT

Sungguhpun Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan memberikan semua orang kebebasan untuk menganut, mengamalkan dan menyebarkan agamanya, peruntukan perlembagaan lain mesti diberi pertimbangan serius dalam interpretasi ini.

Sifat majmuk negara ini membabitkan keprihatinan lebih baik dalam ruang lingkup kebebasan beragama. Pada masa yang sama, kebebasan dalam hal pengakuan, amalan dan penyebaran adalah tertakluk kepada undang-undang am yang bertujuan untuk memelihara ketenteraman awam, kesihatan umum atau moraliti awam.

Di samping itu, negeri-negeri dan Wilayah-wilayah Persekutuan dibenarkan untuk membuat undang-undang bagi "mengawal dan menyekat penyebaran mana-mana fahaman agama" di kalangan orang Islam. Beberapa cubaan telah dibuat oleh Majlis-Majlis Undangan Negeri tertentu untuk menghalang aktiviti yang menunjukkan agama lain kepada orang Islam.

Bekas Ketua Hakim Mahkamah Agung, Tun Salleh Abbas, pernah menyatakan bahawa pembatasan sedemikian "logik kerana ia akibat yang perlu daripada hakikat bahawa Islam ialah agama Persekutuan ...untuk melindungi orang Islam daripada terdedah kepada doktrin keagamaan yang menyimpang, baik yang berasal daripada Islam atau bukan Islam dan tidak kira sama ada penyebarannya orang Islam atau bukan Islam."

Banyak kejadian sepanjang tempoh bertahun-tahun ini menunjukkan bahawa isu agama dan kebebasan beragama sememangnya terlalu sensitif.

Walaupun ramai akan bersetuju bahawa pembatasan kebebasan beragama atau menganuti kepercayaan perlu demi ketenteraman dan kebajikan awam, satu soalan mungkin diketengahkan sama ada pengehadan ini dikenakan oleh undang-undang secara tidak berdiskriminasi.

Petikan daripada <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=12&action=view&retrieveid=399>

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Secara relatif wujud kebebasan untuk (kita) menyembah-Nya dan untuk mengakui akidah kita.
- b. Ramai rakyat Malaysia saling menghormati dan bersedia bertolak ansur sesama mereka tanpa mengira latar belakang agama.

2. Semoga Artikel 11 direalisasikan sepenuhnya agar setiap warganegara berhak menganuti dan mengakui agama pilihannya sendiri.

3. Menentang roh di sebalik mereka yang mengeksploitasi agama untuk mewujudkan ketidaktenteraman awam dan menggalakkan faham ekstremis agama.

4. Semoga mereka yang sedang menghadapi pertikaian perkahwinan dan hak penjagaan anak tidak menyalahgunakan agama demi kepentingan sendiri.

5. **Garam & cahaya dunia:** Para hakim, penggubal undang-undang, peguam dan lain-lain yang beragama Kristian:

- a. Semoga mereka tegas atas prinsip ketakwaan kepada Tuhan, tanpa berasa takut terhadap manusia mahupun kuasa atau pengaruh.
- b. Semoga mereka memperlihatkan kebaikan Tuhan dalam bidang tugas masing-masing.

Dalam ucapan dasarnya di Pelaburan Malaysia 2007 (*Invest Malaysia 2007*), Perdana Menteri menyebut yang pelancaran *Pelan Pendidikan Kebangsaan* nyata menunjukkan kerajaan berpegang pada janji-janjinya. "Kami akan terus bekerja keras untuk menunaikan janji-janji kami kepada rakyat," dia berkata (*The Star*, 23/3/07).

Tiga tahun lepas, sewaktu kempen pilihan raya umum 2004, Barisan Nasional (kerajaan pada ketika ini), muncul dengan manifestonya. Antara janji-janji yang dibuat ialah:

- Ia "memastikan bahawa tiada kumpulan yang akan diabaikan atau tertinggal, dan setiap rakyat mempunyai kepentingan dalam hal pembangunan negara".
- Percaya "dalam perkongsian yang adil dan saksama terhadap hasil pertumbuhan ekonomi. Pembangunan mesti menguntungkan semua lingkungan dalam negara dan semua kumpulan".

- Ia "mendukung kepelbagaian amalan beragama, bahasa dan kebudayaan"; dan "menjaga kepentingan semua warganegara", "mendengar dan bertindak berlandaskan harapan dan aspirasi semua kumpulan tanpa mengira umur, jantina, latar belakang etnik dan agama".
- Ia "akan mempertahankan Perlembagaan dan undang-undang negara".
- Sungguhpun Islam ialah agama rasmi, ia "percaya pada Islam yang toleran dan progresif. Kebebasan menganuti agama lain dijamin oleh Perlembagaan".

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Perdana Menteri seorang yang merendah diri dan bersedia berkhidmat kepada negara dan rakyat.
- b. Barisan menteri dan wakil rakyat yang dipilih adalah mereka yang komited untuk berkhidmat kepada negara serta menjaga kebajikan rakyat.

2. Semoga Kerajaan memenuhi dan mengotakan segala janjinya kepada rakyat.

3. Semoga PM:

- a. Berpijak atas landasan kebenaran.
- b. Memerintah dengan rendah hati.
- c. Diberkati dengan kebijaksanaan dan kearifan.
- d. Tegas (tidak goyah) dalam hal keadilan dan melakukan apa yang betul.
- e. Di kelilingi oleh lelaki dan wanita bestari lagi berintegriti yang mengutamakan kepentingan negara.

4. Semoga para menteri, ketua jabatan, dan wakil rakyat yang dipilih yang korup dan tidak berakhlak

- a. Didedahkan.
- b. Disingkirkan.
- c. Diganti oleh lelaki dan wanita yang berwibawa yang mampu menyempurnakan tugas mereka secara berkesan dan cekap.

5. Garam & cahaya dunia:

- Semoga para menteri, ketua jabatan, dan wakil rakyat yang beragama Kristian
- a. Berdiri tegas atas prinsip ketakwaan kepada Tuhan, tanpa berasa takut terhadap manusia mahupun pengaruh.
 - b. Memperlihatkan kebaikan Tuhan dalam bidang tugas masing-masing.

MINGGU 3

OGOS 5-11

MENURUT SEJARAH,

RUSUHAN KAUM

Ketidaksamaan ekonomi memang ketara semenjak zaman penjajahan lagi. Pada tahun 1960-an, melihatkan pembahagian tidak sama rata yang ketara antara orang Cina yang kaya raya dengan Melayu miskin, kerajaan memperkenalkan satu dasar untuk menyesuaikan dan menyusun semula keadaan ekonomi.

Bagaimanapun, dasar itu menambahkan ketegangan antara orang Melayu dan orang Cina. Sementara itu, Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party, PAP*) yang diterajui oleh Lee Kuan Yew dengan slogannya 'Malaysia untuk Rakyat Malaysia' mendapat sambutan menggalakkan di kalangan orang Cina.

Dalam misinya untuk mendapatkan tempat berpijak di Singapura, Setiausaha Agung UMNO, Syed Ja'afar Albar, membuat beberapa ucapan yang berapi (mengapi-apikan sentimen orang Melayu). Akhbar *Utusan Malaysia* menjadikan keadaan lebih buruk dengan pojok lidah pengarang dan beritanya yang bernada anti-PAP dan anti-orang Cina.

Maka, tercetuslah rusuhan orang Cina-Melayu di jalan-jalan raya di Singapura pada tahun 1964. Tunku Abdul Rahman menyalahkan elemen anasir subversif Indonesia yang menghasut orang Melayu Singapura sehingga tercetus rusuhan itu.

Hubungan orang Cina-Melayu menjadi amat tegang menjelang bulan Mei 1965. PAP secara terbuka mencabar hak istimewa orang Melayu. Pada bulan Ogos, Tunku secara rasminya mengumumkan bahawa Singapura terpaksa keluar daripada Persekutuan Malaysia.

Politik berasaskan Melayu berterusan menitikberatkan keistimewaan khas orang Melayu. Selepas pemasyhuran Akta Bahasa Kebangsaan pada tahun 1967, semakin meledak sentimen orang Melayu terhadap ketuanan (kekuasaan orang) Melayu. Berlakulah banyak perdebatan hangat tentang sifat keistimewaan tersebut. Ketegangan perkauman terus mendidih.

Dalam pilihan raya umum pada bulan Mei 1969, kerajaan campuran Perikatan yang memerintah menang tetapi mengalami satu kegagalan teruk dalam pilihan raya. Parti pembangkang yang majoriti ahlinya orang Cina, Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Gerakan berasa teruja dengan peningkatan dalam kedudukan mereka. Mereka memperoleh permit polis bagi perarakan 'kemenangan' melalui laluan yang ditetapkan di Kuala Lumpur. Namun, perarakan dilencongkan dari laluan

sebenarnya dan menghalal melalui daerah orang Melayu iaitu Kampung Baru sambil mempersendakan penduduk di situ.

Meskipun Parti Gerakan memohon maaf keesokan harinya (13 Mei), sebuah kumpulan penyokong UMNO berhimpun di luar rumah Harun Idris, Menteri Besar Selangor.

Tidak lama kemudian, bermulalah perarakan balasan lantas bermulalah kekacauan melibatkan orang Melayu dengan orang Cina. Keadaan menjadi semakin tidak terkawal dan perintah berkurang diisytiharkan pada jam 8 malam pada 13 Mei. Namun, pertumpahan darah berterusan di Kuala Lumpur dan di sekitar negeri Selangor.

Pada 14 Mei, Yang diPertuan Agong mengisytiharkan negara dalam keadaan darurat. Perlembagaan dan parlimen digantung. Pilihan raya di Timur Malaysia juga ditangguhkan untuk tempoh masa yang tidak pasti. Majlis Gerakan Negara (*National Operation Council, NOC*) diketuai oleh Tun Abdul Razak telah memikul tanggungjawab pentadbiran pada masa itu.

Rusuhan berterusan bagi satu tempoh masa yang cukup lama. Menurut angka rasmi, 196 orang mati dan 439 cedera antara 13 Mei hingga 31 Julai. 753 kes perbuatan membakar harta direkodkan dan 211 buah kenderaan telah dimusnahkan atau rosak teruk. 6,000 orang hilang tempat tinggal.

Mengapa rusuhan 13 Mei berlaku? Ramai orang Cina menyalahkan Kerajaan dengan menyatakan pihak Kerajaan sengaja merancang serangan berkenaan sejak awal-awal lagi. Di mata orang Melayu, orang Cina adalah puncanya. Dalam laporannya, NOC menyentuh peranan parti komunis dan kongsi gelap Cina, perbezaan dalam interpretasi perlembagaan oleh orang Melayu dan bukan Melayu, dan kemarahan "kaum pehijrah tertentu" terhadap hak istimewa orang Melayu.

KATA PARA PEMIMPIN KRISTIAN,

Usaha membina negara sentiasa menagih harga – **harga berupa ketekunan berdoa.**

Ketika dunia tiada jawapannya dan tidak mampu lagi dikawal oleh tentera, polis, para ahli politik, penasihat, ahli sains dan lain-lain, sebab kejahatan sudah begitu mara dan memuncak, Tuhan ada jawapan-Nya dalam bentuk para orang-Nya yang secara nyata berdoa. Menerusi kehidupan mereka yang jujur, ketekalan doa mereka yang terhimpun, mereka boleh mencetuskan kuasa untuk menjadi pelindung atau untuk mengawal negara.

Semoga Gereja Malaysia menolak semua kegiatan yang tiada kesahan abadi dan **kembali kepada amalan berdoa yang mengalir hebat sepanjang masa lagi gigih, tertumpu, menolak kepentingan diri dan tepat menyuarakan permohonan kepada Tuhan.**

Rev. Susan Tang
Pengasas, Station of Life

"Mari kita membina."

Rev. Dr. Vincent Leoh
Ketua Umum - Assemblies of God Malaysia

MENURUT ALKITAB,

"Orang yang mengasihani orang miskin akan berbahagia; orang yang menghina orang lain berbuat dosa. ...Sesiapa yang menindas orang miskin, menghina Pencipta mereka; sesiapa yang baik terhadap orang miskin, menghormati Allah."

Amsal 14: 21, 31

"Oleh itu Yesus menjawab utusan-utusan Yohanes, 'Pulanglah, beritahu Yohanes apa yang telah kamu lihat dan dengar: ORANG BUTA MELIHAT, orang lumpuh berjalan, orang berpenyakit kulit yang mengerikan menjadi sembuh, orang tuli mendengar, orang mati dibangkitkan semula, dan BERITA BAIK DARIPADA ALLAH DIKHABARKAN KEPADA ORANG MISKIN.'"

Lukas 7:22

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

HARI 15 (5 Ogos, Ahad)

ORANG ASLI (OA)

Jumlah mereka seramai 147,412 orang pada tahun 2003 yakni hanya mencakupi 0.6 peratus jumlah penduduk negara (26.5 juta).

Bagi OA, isu yang mendesak ialah tanah yang menjadi sumber utama kehidupan mereka lagi amat penting demi kesinambungan kaum mereka.

Di Semenanjung, apabila sesuatu kawasan diisytiharkan sebagai kawasan dilindungi, yang pertama sekali terjejas ialah hak tanah OA. Kaum OA menjadi sebahagian daripada projek ekopelancongan atau perlindungan ekologi dan akan diberitahu di mana mereka harus tinggal. Apabila tanah mereka diganti dengan projek pembangunan, mereka diberikan pampasan sama ada dalam bentuk kewangan yang mungkin tidak setimpal dengan kerugian yang dialami, atau diberikan sebidang tanah lain, namun mereka tidak diberikan pemegangan tetap yang bertulis bagi tanah baru itu.

Tanpa sebidang tanah kepunyaan mereka sendiri, apakah hak OA terhadap pembinaan tempat beribadah? Artikel 11 memberikan hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya kepada semua rakyat yakni termasuklah OA, dan setiap kumpulan agama berhak menubuhkan dan mengekalkan institusi untuk tujuan keagamaan atau kebajikan.

Bagaimanapun, ketidaktekalan dalam takrif dan tafsiran hak tanah antara OA dengan pihak negeri-negeri menimbulkan banyak konflik terutamanya dalam pembinaan tempat beribadah.

Tiada satu pun peruntukan tentang hak leluhur OA atas tanah (Akta Orang Asli 1954, diubah pada tahun 1974) terkandung dalam Akta Kanun Tanah Negara 56/65.

Setakat ini, hanya kira-kira 12% daripada semua 869 petempatan OA yang sempurna diwartakan sebagai rizab Orang Asli.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Kasih-Nya terhadap Orang Asli.
- Berkat-Nya ke atas gereja-gereja OA yang kian bertambah bilangannya.
- Membangunkan para pemimpin Kristian OA yang berkebolehan.
- Ada gereja bukan OA yang bersikap menyokong.

2. Semoga pihak berkuasa menyelesaikan pahit getir yang dialami kaum OA serta mengiktiraf hak mereka terhadap tanah dan kebebasan beragama.

3. Semoga Kerajaan menimbangkan untuk mengubah Kanun Tanah Negara dalam hal hak terhadap tanah bagi OA.

4. Sekiranya berlaku pengambilan wajib tanah mereka, OA akan diberi pampasan yang saksama bagi tanah mereka.

5. Semoga pihak OA sendiri bangun menegakkan hak mereka dengan berani dan bijaksana.

6. Semoga ibu bapa OA menyedari kepentingan pendidikan bagi anak mereka.

7. Garam & cahaya dunia:

- Semoga Gereja berani menyuarkan dilema OA serta berkhidmat kepada masyarakat itu dengan rendah hati dalam semua bidang tanpa sebarang niat tersembunyi.
- Semoga para pemimpin Kristian OA dipenuhi semangat dan kearifan.
- Semoga warga Kristian OA utuh pendirian mereka dalam Tuhan dan memperlihatkan kebaikan-Nya dalam masyarakat masing-masing.

Terdapat 28 kumpulan peribumi diiktiraf secara rasminya di Sabah. Kumpulan terbesar ialah suku majoriti Kristian Kadazandusun, diikuti suku majoriti Muslim Bajau, dan Murut.

Di Sarawak, suku majoriti Kristian Iban adalah kumpulan etnik utama dengan kira-kira 31.2% daripada jumlah bilangan penduduk diikuti suku Bidayuh, Melanau dan suku-suku lain di Sarawak.

Perlembagaan Persekutuan merujuk rakyat peribumi Sabah dan Sarawak sebagai "kaum asli".

Di Semenanjung, pada dasarnya Bumiputera adalah orang Melayu Islam. Namun, di Sarawak dan Sabah, Bumiputera termasuklah semua kumpulan peribumi, baik Islam mahupun bukan Islam, seperti yang tersenarai di dalam Perlembagaan.

Artikel 161(A) memberikan kedudukan istimewa bagi kaum asli Sabah dan Sarawak. Artikel itu menjelaskan pengertian "kaum asli" dan kumpulan mana yang dianggap kaum asli. Ia juga menggariskan syarat-syarat bagi perizaban tanah dan layanan istimewa.

Walau bagaimanapun, masyarakat peribumi luar bandar Sabah dan Sarawak menghadapi masalah serupa seperti Orang Asli (di Semenanjung). Tanah adat mereka dicerobohi oleh industri pambalakan dan projek pembangunan (contohnya pembinaan empangan yang besar).

Ada juga dakwaan bahawa suku Iban semakin dipinggirkan atau diketepikan dalam hal peluang-peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat dalam sektor-sektor awam.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Menghantar kumpulan pertama para mubaligh yang menyemaikan benih dalam kalangan kaum asli.
- Kebangunan rohani di sesetengah masyarakat (contoh: di Bario, Ba' Kelalan dan sebagainya) dan kelimpahan berkat-Nya ke atas warga ini.
- Membangunkan para pemimpin kaum peribumi yang berkebolehan.

2. Semoga Kerajaan negeri jujur lagi saksama dalam hal menghapuskan kemiskinan dalam kalangan puak peribumi.

3. Semoga semua projek negeri mengutamakan kepentingan awam dan tiada suku kaum yang tertinggal di belakang.

4. Semoga masyarakat perniagaan membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, yang kaya memperkasakan yang miskin.

5. Semoga berkesan pelaksanaan undang-undang untuk melindungi kaum peribumi dan tanah mereka.

6. Semoga mana-mana dasar dan tindakan berunsur diskriminasi disingkirkan.

7. Garam & cahaya dunia:

- Semoga para peribumi Kristian menyatakan sinaran Tuhan di dalam bidang masing-masing.
- Semoga Gereja memperlihatkan kebaikan Tuhan serta menyemaikan benih dalam masyarakat masing-masing.
- Semoga ternyata semula semarak dan keghairahan terhadap Tuhan.

Sebelum menerima Islam dan undang-undang Islam, orang Melayu Semenanjung selama berabad-abad hidup di bawah raja Hindu. Ketika Kesultanan Melaka menerima Islam, menjadi seorang Islam dirujuk sebagai "*masuk Melayu*".

Meskipun dari segi sejarah, susur-galur sosiobudaya dan warisan etnik hakikatnya tidak jelas, orang Melayu tertakrif di sisi undang-undang sebagai sekumpulan rakyat semasa campur tangan British.

Takrif kolonial rasmi pertama bagi kata 'Melayu' dibuat dalam Akta Rizab Melayu 1913 yang mengklasifikasikan Melayu sebagai mana-mana orang daripada bangsa Melayu yang lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu atau sebarang bahasa lain orang Malaya dan yang mengakui Islam sebagai agamanya.

Artikel 160 Perlembagaan Persekutuan mendefinisikan Melayu sebagai "seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bertutur bahasa Melayu, mematuhi adat resam Melayu dan - (a) lahir sebelum Hari Kemerdekaan

di Persekutuan atau di Singapura atau lahir daripada ibu bapa yang salah satunya dilahirkan di Persekutuan atau di Singapura; atau (b) zuriat daripada individu sedemikian."

Istilah 'Bumiputera' ('anak lelaki daripada bumi') digunakan dalam Perlembagaan bagi merujuk kepada orang Melayu dan kumpulan peribumi lain. Seajar dengan perlembagaan, 'Bumiputera' dijamin dengan kedudukan istimewa, dilindungi oleh yang diPertuan Agong, "dalam perkhidmatan awam (selain perkhidmatan awam sebuah Negeri) dan biasiswa, dermasiswa serta keistimewaan pendidikan atau latihan lain yang seumpamanya atau kemudahan khas."

Dari segi teori, seorang Melayu yang keluar daripada Islam terpaksa melepaskan keistimewaannya menurut perlembagaan. Dari segi undang-undang, mungkin juga sah bagi seorang warganegara bukan Melayu menjadi orang Melayu jika dia memenuhi kriteria sebagaimana yang ditetapkan di dalam perlembagaan.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Kasih-Nya serta tujuan khusus Tuhan bagi kumpulan etnik Melayu.
- Menganugerahi kaum etnik Melayu dengan kreativiti dan bakat seni mereka.
- Membangunkan para pemimpin nasional yang berwibawa daripada kalangan mereka.

2. Semoga Kerajaan mengiktiraf masalah sebenar yang dihadapi oleh orang Melayu dan menyemak semula dasar-dasar demi memperkasakan mereka dalam mereka menuju tahap berdikari.

3. Semoga dasar-dasar yang baik dilaksanakan dengan saksama lagi berkesan yakni memanfaatkan mereka yang benar-benar berhak dan bukan sekumpulan kecil para elit.

4. Semoga orang Melayu yang kaya dan berkebolehan bersedia membantu mereka yang kurang keistimewaan dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (terutamanya di kawasan luar

bandar), latihan kemahiran dan menuju tahap berdikari.

5. Semoga terbuka minda dan hati yang diterangi agar

- Mereka tidak mudah terpengaruh oleh pihak yang sengaja membangkitkan sentimen kaum/agama.
- Semoga mereka arif yakni mampu membezakan dan tidak tunduk kepada pandangan ultra konservatif yang boleh menjurus kepada faham ekstremis.

6. Garam & cahaya dunia:

- Semoga komuniti perniagaan warga Kristian memperlihatkan kebaikan Tuhan dengan menyediakan langkah-langkah untuk memperkasakan orang Melayu menuju tahap berdikari.
- Semoga Gereja tempatan (terutamanya gereja berbahasa Malaysia) giat melibatkan diri dalam khidmat masyarakat di kawasan luar bandar tanpa sebarang niat tersembunyi.

HARI 18 (8 Ogos, Rabu)

ORANG CINA

Petempatan orang Cina pertama yang penting wujud seawal abad ke-13. Namun, hubungan awal yang paling diketahui umum ialah semasa kunjungan Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada abad ke-15.

Beberapa peniaga Cina yang awal itu menetap dan menubuhkan komuniti-komuniti kecil. Mereka berkahwin campur dengan orang Melayu, menghasilkan kaum yang kemudiannya dikenali sebagai orang Baba atau Cina Selat. Setiap komuniti orang Cina waktu awal itu mempunyai *Kapitan Cina* sendiri yang dilantik oleh Belanda di Melaka dan di tempat lain oleh pemerintah orang Melayu.

Lambakan peluang ekonomi terus menarik sejumlah besar pehijrah Cina, terutamanya semasa pemerintahan British.

Pendatang Cina Foochow memainkan peranan terbesar dalam pembukaan sektor perladangan di Sibu. Pada tahun 1901, Pastor Wong Nai Siong membawa kumpulan pertama Foochow dari China untuk mengusahakan tanah subur di sekitar Sibu (NST, 18/3/07).

Tidak seperti kaum Baba, orang Cina bertutur dalam bahasa atau dialek mereka sendiri serta mengamalkan gaya kehidupan dan adat tersendiri. Mereka cenderung berhimpun di petempatan bandar dan lebih suka tinggal di kawasan mereka sendiri.

Pada tahun 1940, orang Cina (2,400,000) dikatakan melebihi jumlah bilangan warga Melayu (2,300,000) di Semenanjung.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Kasih-Nya terhadap orang Cina.
- Kumpulan pehijrah Cina Kristian pertama telah menyemai benih Kasih-Nya di bumi ini.
- Para mubaligh menyahut seruan-Nya untuk mengadakan pelayanan bagi orang Cina dan membantu penubuhan sekolah-sekolah Cina.
- Sumbangan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi negara ini.

2. Semoga masyarakat korporat Cina bersedia berkongsi sumber serta kepakaran mereka demi kebaikan masyarakat dan terhadap usaha menghapuskan kemiskinan.

- Semoga lebih ramai lagi orang Cina berkhidmat kepada negara dengan menyertai pasukan bersenjata dan perkhidmatan awam.
- Semoga dalam usaha Kerajaan membantu orang Melayu, kaum Cina yang kurang keistimewaan tidak dilupakan dalam projek-projek Kerajaan.
- Garam & cahaya dunia:**
 - Semoga warga Kristian memperlihatkan kebaikan Tuhan dalam masyarakat, di tempat kerja dan dalam sektor awam.
 - Semoga Gereja berbahasa Cina memperoleh wawasan baru dan giat terlibat dalam masyarakat, terutamanya di kampung-kampung baru.

Di kebanyakan negeri di Tanah Melayu pada masa dahulu ada pertumbuhan bilangan penduduk orang India yang kebanyakannya peniaga Islam. Dalam kalangan mereka itu ada individu yang mudah bergerak antara dua budaya yakni India dengan Melayu. Bukan suatu yang luar biasa bagi peniaga India mempunyai "seorang isteri di India dan seorang di Perak" seperti yang disebut dalam *Misa Melayu*.

Pada abad ke-19, warga India tiba untuk memenuhi permintaan buruh murah di ladang-ladang tebu dan kopi milik orang British. Berlaku lonjakan permintaan untuk pekerja India pada tahun 1905 apabila getah diperkenalkan. Kerajaan kolonial terlibat secara langsung dalam proses merekrut pekerja berkenaan. Ramai antara mereka beragama Hindu dan datang dari India Selatan.

Ramai antara mereka terus menetap di sini, sebahagiannya sebab

kekurangan sumber untuk membiayai tambang pulang ke tanah air sendiri. Namun begitu, akibat kekurangan pilihan kerjaya menyebabkan ramai antara mereka terasing dan dieksploitasi di estet-estet. Berpunca daripada itu, sekumpulan orang India miskin yang lahir di bumi ini terlepas pandang dan dinafikan hak mereka mendapatkan identiti dan kewarganegaraan selepas Merdeka.

Apabila pertanian digantikan oleh industri pembuatan dan perkhidmatan, ramai pekerja (ladang) kehilangan pekerjaan mereka dan kehidupan mereka terjejas teruk. Namun begitu, orang India yang melibatkan diri dalam aktiviti perdagangan, terutamanya orang India Muslim bertambah makmur.

Orang India ialah kumpulan terkecil daripada tiga kumpulan etnik utama dan mencakupi hanya kira-kira 1.5% kekayaan negara.

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- Kasih-Nya terhadap orang India.
- Mereka yang gigih membanting tulang di ladang-ladang dan menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi.
- Mereka yang komited untuk menjaga puak yang miskin dan memerlukan, terutamanya anak-anak yatim.
- Para mubaligh masa nan lampau yang berkhidmat dalam kalangan orang India.

2. Semoga Kerajaan menangani dengan sewajarnya pahit getir yang dilalui orang India yang dilahirkan di sini namun bukan warganegara lantas tiada akses terhadap pendidikan, penjagaan kesihatan, pekerjaan dan perumahan.

3. Semoga orang India yang kurang keistimewaan tidak diketepikan dalam projek-projek pembangunan Kerajaan.
 4. Semoga orang India yang kaya bersedia membantu mereka yang kurang keistimewaan dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (terutamanya di kawasan luar bandar), latihan kemahiran dan menuju tahap berdikari.
5. **Garam & cahaya dunia:**
- Semoga warga Kristian memperlihatkan kebaikan Tuhan dalam masyarakat, di tempat kerja dan dalam sektor awam.
 - Semoga Gereja berbahasa Tamil tegas lagi utuh serta giat melibatkan diri dalam masyarakat dan dengan itu memberi kesaksian akan kebaikan-Nya.

Pada bulan Januari 1970, Jabatan Perpaduan Negara (*Department of National Unity, DNU*) dan Majlis Perunding Negara (*National Consultative Council, NCC*) ditubuhkan untuk menangani isu-isu perkauman dan untuk meningkatkan perpaduan negara. DNU yang diketuai oleh Tan Sri Ghazali, merangka ideologi kebangsaan yang kemudian diluluskan oleh NCC.

Pada bulan Ogos, sempena ulang tahun ke-13 Kemerdekaan, DYMM Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong secara rasmi mengumumkan pernyataan ideologi kebangsaan iaitu *Rukun Negara*.

Rukun Negara menjadi model asas bagi kerajaan untuk menyatupadukan negara. Ia menjelaskan prinsip-prinsip yang digagaskan menjadi pementang yang membulatkan semua warganegara Malaysia menjadi rakyat yang bersatu padu.

"Negara kita, MALAYSIA, mendukung cita-cita untuk -
Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh rakyatnya;
Memelihara cara hidup berdemokrasi;
Mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara teragih secara adil dan saksama;
Memastikan pendekatan yang liberal terhadap adunan tradisi dan budayanya yang kaya dan pelbagai corak;
Membina masyarakat progresif yang berorientasikan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Kebijaksanaan-Nya membimbing mereka yang terlibat mendraf *Rukun Negara*.
- b. Mereka yang tak mengenal penat lelah demi memupuk perpaduan nasional.

2. Semoga semua warganegara secara sedar melibatkan diri dalam integrasi nasional; memupuk sikap saling menghormati dan saling menerima tanpa mengira kaum dan agama.

3. Semoga Kerajaan melayani semua rakyat secara saksama yakni tiada pilih kasih terhadap satu-satu kaum dalam dasar-dasar dan projek-projek.

4. Semoga Kerajaan melaksanakan sepenuhnya prinsip demokrasi (keadilan, kesamaan, dan hormat terhadap hak asasi dan kebebasan manusia) dalam tadbir urus dan pentadbirannya.

5. Semoga kekuasaan Perlembagaan Persekutuan sentiasa didukung dan dihormati.

6. Semoga semua "warga Malaysia berwaspada terhadap semua bentuk faham ekstremis, chauvinis, perkauman dan pengasingan" (Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah)

7. Semoga bergerak menjurus kepada masyarakat majmuk yang maju, beradab sopan dan saksama.

HARI 21 (11 Ogos, Sabtu)

DASAR EKONOMI BARU (DEB)

Kerajaan menyebut insiden 13 Mei sebagai sebab utama bagi tindakan mengiakkannya yang lebih agresif, iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB).

DEB adalah pelan 20 tahun yang dilancarkan pada tahun 1971 untuk mengurangkan jurang ekonomi antara orang Melayu dan bukan Melayu dengan memastikan 30% penyertaan ekuiti pertama dalam ekonomi negara. Selama tempoh ini, DEB berjaya mencipta warga Melayu kelas pertengahan dan mewujudkan jutawan Melayu. DEB juga membantu meredakan ketegangan antara kaum.

Pelan 20 tahun itu kini menjangkau tahun ke-36nya. Perasaan tidak puas hati yang kian meningkat pada tahun-tahun kebelakangan ini jelas di kalangan orang Melayu sendiri dengan kemunculan jurang baru antara golongan kecil para elit dengan golongan majoriti luar bandar. Sesetengahnya berhujah bahawa DEB menjadi alat bagi sesetengah kumpulan untuk menambahkan kekayaan mereka. Yang lain menyatakan

yang dasar ini menyimpang daripada tujuan asalnya dan menjadi punca perpecahan baru dalam negara. Yang lainnya pula mengkritik bahawa kuota yang ada menyebabkan amalan rasuah semakin menjadi-jadi.

Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri, baru-baru ini menggelari DEB sebagai pemikiran lapuk dalam dasar ekonomi dan mengatakan yang DEB tidak memberi manfaat kepada orang Melayu dalam dunia berdaya saing hari ini.

Pada masa yang sama, kaum Cina dan India yang miskin mengadu dipinggirkan. Manakala komuniti Orang Asli terus menjadi komuniti termiskin dalam negara.

Meskipun Perdana Menteri mendakwa bahawa "pelaksanaan DEB tidak patut dilihat sebagai isu perkauman," sebenarnya DEB dibina atas paradigma berlandaskan kaum Di Dewan Rakyat pada bulan Mac, beliau berkata bahawa matlamat ekuiti 30% bagi Bumiputera "mesti digerakkan sehingga ia tercapai" (NST, 23/3/07).

BERDOALAH

1. Puji Tuhan sebab

- a. Mereka yang mendraf DEB yang asal yang berniat luhur untuk membantu mereka yang kurang keistimewaan.
- b. Dasar ini yang telah membantu sesetengah daripada mereka yang disasarkan.

2. Semoga Kerajaan

- a. Bersedia menerima dan mengakui kelemahan dalam DEB dan dengan kearifan menyemaknya semula agar DEB memanfaatkan **semua** warganegara.

- b. Bertindak berani dalam merangka dasar-dasar baru yang adil, bebas daripada diskriminasi, yang bakal memanfaatkan mereka yang kurang keistimewaan daripada **semua** kumpulan etnik.

3. Menentang roh dan hati yang iri, bersengketa, menipu dan jahat, terutamanya mereka yang sengaja menyalahgunakan dasar-dasar Kerajaan.

BERDOALAH

MINGGU 4

OGOS 12-18

MENURUT SEJARAH,

OPERASI LALANG

Operasi Lalang (Operasi Menyingkir Rumpai) atau Ops Lalang adalah tindakan keras politik terhadap para pemimpin pembangkang dan aktivis sosial pada 27 Oktober 1987.

Atas alasan keselamatan dan pemeliharaan negara demi ketenteraman awam, kerajaan menahan 119 orang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Antara mereka terdapat para pemimpin politik, ahli kesatuan sekerja, pekerja sosial/kebijakan, ahli akademik, ahli pendidikan Cina, pekerja gereja dan guru Islam.

Dua akhbar harian, *The Star* dan *Sin Chew Jit Poh* dan dua akhbar mingguan, *The Sunday Star* dan *Watan* juga digantung.

Menurut Kertas Putih kerajaan yang menjelaskan tentang penangkapan itu, ketegangan perkauman wujud oleh pelbagai kumpulan yang membangkitkan "isu-isu sensitif", dan seterusnya memaksa kerajaan untuk bertindak "dengan pantas dan tegas" untuk mengawal keadaan.

Bagaimanapun, kebanyakan pemerhati hak asasi manusia mengatakan tindakan keras itu hanya gerak balas terhadap perpecahan politik dalam UMNO sendiri, dan sebab semakin meningkat rasa tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan.

Berdepan dengan tekanan antarabangsa yang meningkat, kerajaan mula membebaskan orang tahanan pada lewat tahun 1988. Pada bulan April 1990 kesemua mereka dibebaskan.

Akibat daripada insiden itu, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dipinda untuk memberikan Menteri yang bertugas ketika itu "budi bicara mutlak" untuk mengharamkan penerbitan yang dianggap mendatangkan keburukan kepada ketenteraman, moraliti atau keselamatan awam. Lesen yang mesti diperbaharui semula secara tahunan, boleh dibatalkan atau digantung pada bila-bila masa tanpa sebarang hak untuk membuat rayuan.

Pindaan juga dibuat pada Akta Polis. Apa-apa mesyuarat politik, termasuklah mesyuarat agung tahunan sesebuah parti, tidak boleh diadakan tanpa permit polis.

KATA PARA PEMIMPIN KRISTIAN,

Biar di manapun letaknya, Gereja seharusnya ada kesannya. 'Matanya' hendaklah sentiasa terbuka serta prihatin terhadap ketidakadilan dan kemiskinan, terhadap pahit getir puak yang terpinggir.

Sebagai Gereja, kita mesti bertekad kuat untuk melaksanakan tanggungjawab kita sebagai komuniti orang yang beriman dalam masyarakat, bangsa dan seterusnya di seluruh dunia. Kita harus memikirkan cara untuk kita dapat berkongsi sumber individu dan kolektif kita dalam tugas mengubah negara kita.

Semoga kita menjadi agen perubahan sosial yang menyediakan pimpinan sosial dan ekonomi kepada masyarakat dan negara.

Rev. Eu Hong Seng
Pengerusi NECF Malaysia

Warga Kristian harus berprihatin terhadap negara dan giat terlibat dalam usaha membina negara dengan berdoa dan menerusi penglibatan dalam melawan pelbagai keburukan sosial.

Bishop Voo Thien Fui
Gereja Kristian Basel Malaysia

MENURUT ALKITAB,

"Seluruh kota bersukacita apabila orang jujur mendapat rezeki; rakyat bersorak-sorai apabila orang jahat mati. Restu orang jujur memakmurkan kota; perkataan orang jahat memusnahkan kota."

Amsal 11:10-11

"Keadilan meninggikan martabat bangsa, tetapi dosa mendatangkan hinaan kepada bangsa."

Amsal 14:34

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

HARI 22 (12 Ogos, Ahad)

MELAKA/NEGERI SEMBILAN



MELAKA

- Diasaskan oleh Parameswara yang memeluk Islam pada tahun 1414. Baginda menukar namanya kepada Megat Iskandar Shah.
- Muhammad Shah (1424-1444) mendirikan sistem pentadbiran berasaskan pola kerajaan Hindu. Sistem tersebut terus beroperasi sehingga kedatangan Portugis pada tahun 1511.
- Mudzaffar Shah (1446-59) mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi.
- Pahlawan Melaka yang terkenal, Hang Tuah hidup pada zaman pemerintahan Mansur Shah (1459-1477).
- Sultan Mahmud Shah (1488-1528) ialah sultan terakhir. Baginda lari dari Melaka semasa serangan Portugis pada awal abad ke-16.
- Baginda diserahkan kepada British dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.
- Sumbangan utama: menggabungkan idea Islam dalam budaya Melayu.



NEGERI SEMBILAN

- Amat terpengaruh dengan budaya Minangkabau, iaitu adat perpatih.
- Orang Minangkabau berasal dari Sumatra dan menetap di sini pada abad ke-15.
- Pada tahun 1773, Raja Melewar diisytiharkan sebagai pemerintah pertama Negeri Sembilan dikenali sebagai Yang Di-Pertuan Besar.
- Perang saudara yang meletus di Sungai Ujong membawa kepada campur tangan British pada tahun 1873.
- Menerima Residen British pada tahun 1895.
- Kini terdiri daripada enam negeri. Nanning diambil oleh Melaka, Kelang oleh Selangor, dan Segamat oleh Johor.
- Yang Di-Pertuan Besar dipilih oleh para Undang (ketua wilayah dalam negeri). Hanya empat Undang (Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau) ada hak untuk mengundi.

BERDOALAH

*Puji syukur kita kepada Tuhan
atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Melaka dan Negeri Sembilan,
atas berkat serta rahmat-Nya ke atas rakyat.*

BERDOALAH

1. Semoga pihak Kerajaan negeri: mempunyai kebijaksanaan, integriti dan bebas rasuah, mengutamakan kepentingan awam, pengawasan yang baik bagi dana negeri, menghormati dan mendukung kebebasan beragama.
2. Ketelusan dan kecekapan dalam semua perkhidmatan awam.
3. Menentang roh yang menjiwai mereka yang membangkitkan kebencian, tidak menghiraukan pandangan orang lain dan tidak bertoleransi.
4. Semoga pihak berkuasa agama bersikap wajar dan sederhana dalam menyempurnakan tugas masing-masing. Menentang roh yang menjiwai sikap terlampau ghairah atau fanatik.
5. Pengurangan jenayah.
6. Belia dan orang dewasa muda daripada semua kumpulan etnik: Memiliki kebijaksanaan, keberanian dan kearifan yang baik, menjadi teladan yang baik dan hubungan kekeluargaan yang baik, kesucian moral dan kejujuran.
7. Kecukupan dari segi ekonomi terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam pertanian, misalnya menjadi petani dan nelayan.
8. Mempunyai peluang-peluang pembangunan ekonomi dan pekerjaan.

HARI 23 (13 Ogos, Isnin)

SELANGOR/KUALA LUMPUR



SELANGOR

- Diperintah oleh Kesultanan Melaka pada abad ke-15.
- Orang Bugis di bawa masuk dari Sulawesi semasa pemerintahan Belanda.
- Kesultanan kini adalah susur galur Bugis dan bertapak sejak tahun 1740.
- Ekonomi melambung pada abad ke-19 kerana simpanan timah yang banyak dan permintaan getah yang meningkat.
- Perang saudara membuka jendela peluang bagi campur tangan British.
- Menerima Residen British pada tahun 1874.
- Pada tahun 1880, ibu negeri bertukar daripada Klang kepada Kuala Lumpur.
- Pada tahun 1978, Shah Alam, bandar terancang pertama di Malaysia menggantikan Kuala Lumpur sebagai ibu negeri Selangor.



KUALA LUMPUR

- Asalnya pada tahun 1850-an apabila Raja Mahdi dari Klang menghantar orang Cina ke hulu untuk membuka lombong timah yang baru.
- Kapitan Cina Yap Ah Loy bertanggungjawab memajukan lombong timah dan pembangunan bandar sewaktu tahun 1870-an.
- Dipilih sebagai ibu negeri bagi Negeri Melayu Persekutuan pada tahun 1896.
- Kekal sebagai ibu negeri sepanjang kemerdekaan dan pembentukan Malaysia sehinggalah ke hari ini.
- Mendapat status Bandar raya pada tahun 1972.
- Secara rasminya menjadi Wilayah Persekutuan pada tahun 1974.

PUTRAJAYA

- Diasaskan pada tahun 1995.
- Menjadi Wilayah Persekutuan pada tahun 2001.
- Bertindak sebagai pusat pentadbiran kerajaan.

BERDOALAH

*Puji syukur kita kepada Tuhan
atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Selangor,
Kuala Lumpur dan Putrajaya,
atas rahmat serta berkat-Nya ke atas rakyat.*

BERDOALAH

1. Semoga terdapat ketelusan, integriti dan kesaksamaan dalam tadbir urus *menteri besar, datuk-datuk bandar* dan semua pihak berkuasa tempatan negeri Selangor.
2. Semoga terdapat keberkesanan dan kecekapan dalam semua pelaksanaan dasar.
3. Semoga pengurusan kewangan bijak dan pengawasan baik.
4. Semoga diutamakan kepentingan serta kesejahteraan awam.
5. Semoga komited terhadap menghapuskan kemiskinan.
6. Semoga pelan pembangunan wajar tanpa menjejaskan kaum miskin dan persekitaran.
7. Semoga para pegawai yang korup disingkirkan.
8. Semoga kebebasan beragama sebagaimana yang diberikan dalam Perlembagaan didukung dan dihormati oleh semua.
9. Semoga pihak berkuasa agama bersikap wajar dan menentang roh yang melatari puak fanatik.
10. Semoga semakin baik kesedaran sivik masyarakat dan keprihatinan umum terhadap usaha mengurangkan penyakit-penyakit berkaitan dengan kesihatan (contoh: dengue).

HARI 24 (14 Ogos, Selasa)

JOHOR/PAHANG

**JOHOR**

- Diasaskan oleh Sultan Alauddin, putera Sultan Mahmud Shah, pemerintah terakhir Melaka.
- Kedudukannya yang strategik sebagai pusat perdagangan Timur-Barat menjadikan Johor maju dari segi ekonomi dan akhirnya berkembang menjadi Empayar Johor-Riau.
- Empayar itu berakhir pada tahun 1824 walaupun Johor masih kekal.
- Pada tahun 1855, Temenggung Ibrahim diiktiraf sebagai pemerintah yang sah oleh British. Beliau digantikan dengan anaknya, Abu Bakar pada tahun 1862.
- Abu Bakar menentang pengaruh British dan mendirikan sistem pentadbiran yang berkesan. Baginda digelar "Bapa Pemodenan Johor".
- Anaknya, Sultan Ibrahim dipaksa menerima Penasihat British pada tahun 1914. Baginda memerintah sehingga tahun 1959.

PAHANG

- Menjadi sebuah Kesultanan Islam di bawah Melaka pada tahun 1459.
- Berada di bawah pemerintahan Johor pada pertengahan abad ke-17.
- Selepas peperangan saudara (1858-1863), Bendahara Wan Ahmad diisytiharkan sebagai sultan baru pada 1881. Baginda dipaksa menandatangani perjanjian yang membawa Pahang berada di bawah kawalan Residen British pada tahun 1888.
- Pada tahun 1892, pemberontakan diketuai oleh Bahaman (Orang Kaya Pahlawan Semantan) melambangkan perjuangan kemerdekaan orang Melayu.
- Sejak tahun 1974, monarki diwarisi oleh Sultan Haji Ahmad Shah.

BERDOALAH

Puji syukur kita kepada Tuhan atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Johor dan Pahang, atas rahmat serta berkat-Nya ke atas rakyat.

BERDOALAH

1. Semoga kerajaan-kerajaan negeri mempunyai tadbir urus yang baik serta kewajaran. Semoga kepentingan awam diutamakan tanpa rasa takut atau terhutang budi kepada sesiapa.
2. Semoga kebertanggungjawaban lebih hebat dan dana negeri terurus dengan lebih bijak.
3. Semoga projek-projek Kerajaan telus dan berkesan serta memanfaatkan semua rakyat tanpa mengira latar belakang etnik/agama.
4. Semoga terdapat penambahbaikan dalam ekonomi negeri dan ada lebih banyak peluang pekerjaan.
5. Semoga pihak berkuasa dan awam mendukung kebebasan beragama dan menghormati Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang yang tertinggi di negara ini.
6. Semoga pihak berkuasa menangani dengan betul pahit getir masyarakat Orang Asli dalam semua projek pembangunan yang melibatkan penempatan semula kaum mereka.
7. Semoga berjaya semua daya usaha melawan penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan program-program pemulihan.
8. Menentang kuasa-kuasa roh yang mendalangi sikap ekstremis dan semua jenis jenayah dan kecabulan.
9. Semoga diperkuatkan pasukan polis dalam menegakkan undang-undang dan ketenteraman.

HARI 25 (15 Ogos, Rabu)

PERAK/PULAU PINANG



PERAK

- Putera sulung Sultan Melaka yang terakhir lari daripada ditawan Portugis dan mendirikan kerajaannya di sepanjang Sungai Perak pada tahun 1528.
- Disebabkan kekayaan lombong timah, orang Bugis, Aceh dan Siam cuba menyerang Perak. Siam membuatkan Perak mengakui pertuanannya.
- Melalui Perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1826, kemerdekaan Perak dijamin.
- Pada tahun 1848, penemuan timah di Larut menyebabkan perebutan kuasa di kalangan kongsi gelap Cina.
- Pertikaian pewarisan antara Raja Abdullah dan Raja Ismail menambahkan lagi huru-hara, serta mencipta peluang bagi campur tangan British.
- Raja Abdullah bersetuju menerima Residen British. Baginda menandatangani Perjanjian Pangkor pada bulan Januari 1874 dan dilantik menjadi Sultan.

PULAU PINANG

- Sebahagian daripada Kesultanan Kedah.
- Diserahkan kepada Syarikat India Timur British pada tahun 1786 sebagai pertukaran bagi perlindungan daripada Siam dan Burma.
- Pada 11 Ogos 1786, Kapten Francis Light (pengasas Pulau Pinang) tiba dan menamakan semula Pulau Pinang dengan nama 'Pulau Prince of Wales'.
- Seberang Perai (Wilayah Wellesley) dimasukkan dalam Pulau Pinang pada 1800.
- Pada 1826, Pulau Pinang bersama Melaka dan Singapura menjadi sebahagian daripada Negeri-negeri Selat di bawah pentadbiran British di India.
- Pemerintahan kolonial British secara langsung bermula pada tahun 1867.
- Pulau tersebut adalah pelabuhan bebas cukai sehingga tahun 1969.

BERDOALAH

Puji syukur kita kepada Tuhan atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Perak dan Pulau Pinang, atas rahmat serta berkat-Nya ke atas rakyat.

BERDOALAH

1. Semoga kerajaan-kerajaan negeri dan majlis-majlis tempatan:
 - a. Dianggotai oleh lelaki dan wanita yang berintegriti dan berwibawa.
 - b. Berhemat dalam berbelanja dan arif dalam pengurusan dana negeri.
 - c. Berkesan dan cekap dalam pelaksanaan dasar-dasar.
 - d. Mengutamakan kepentingan awam.
2. Semoga pihak berkuasa komited terhadap usaha menghapus kemiskinan dan memperkasakan orang miskin tanpa mengira latar belakang etnik/agama.
3. Semoga institusi keluarga terus diperkuatkan dan kesuciannya dipelihara.
4. Menentang ancaman perbuatan tidak bermoral dan ketagihan dadah.
5. Semoga pihak polis arif dan bersikap berjaga-jaga dalam melawan jenayah yang kini meningkat.
6. Semoga pihak Kementerian pendidikan negeri, sekolah dan ibu bapa bersatu demi menangani masalah disiplin yang sedang meningkat di kalangan para murid sekolah dan belia.
7. Menentang semangat fanatik agama dan sikap ekstremis, terutamanya di negeri Perak.
8. Semoga pihak berkuasa dan orang awam mendukung kebebasan beragama dan menghormati hak individu untuk memilih agamanya sendiri.

HARI 26 (16 Ogos, Khamis)

KEDAH/PERLIS



KEDAH

- Kesultanan Kedah bermula apabila Maharaja Kedah ke-9 memeluk Islam dan menukar nama baginda kepada Sultan Muzaffar Shah.
- Di antara abad ke-10 dengan ke-12, kemajuan pertanian padi membawa pada perluasan ekonomi. Bukti arkeologi di Lembah Bujang menjadi kesaksian yang pada suatu masa dahulu, Kedah sebuah pusat perdagangan yang maju.
- Siam menakluki Kedah pada tahun 1821.
- Ekoran perjanjian pada 1923, British mengesahkan kuasa sultan dan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.
- Pada Perang Dunia Kedua, Kedah (bersama Kelantan) adalah bahagian pertama di Malaysia yang diduduki Jepun.

PERLIS

- Asalnya merupakan sebahagian daripada Kesultanan Kedah.
- Selepas berakhirnya peperangan 20 tahun antara Kedah dan Siam, Perlis menjadi sebuah wilayah merdeka pada tahun 1842.
- Cucu Sultan Kedah, Syed Hussain Jamalulail yang berketurunan Arab menjadi Raja Perlis yang pertama.
- Seorang Penasihat British dilantik ekoran Perjanjian Inggeris-Siam tahun 1909.
- Ketika Perang Dunia Kedua, Jepun mengembalikan Perlis kepada Siam sebagai ganjaran perikatan Siam dengan Jepun.
- Apabila Jepun menyerah kalah, Perlis diambil semula di bawah Pentadbiran British.

BERDOALAH

*Puji syukur kita kepada Tuhan
atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Kedah dan Perlis,
atas rahmat dan berkat-Nya ke atas rakyat.*

BERDOALAH

1. Kerajaan-kerajaan negeri dan majlis-majlis tempatan: semoga terdiri daripada lelaki dan wanita yang berintegriti, amanah dan menghormati kedaulatan undang-undang, mendukung kebebasan beragama untuk semua orang.
2. Semoga baik pengawasan dan bijak pengurusan dana negeri demi kebaikan awam.
3. Semoga berkesan langkah-langkah dan cekap pelaksanaan usaha menghapuskan kemiskinan luar bandar.
4. Semoga kerajaan negeri komited terhadap peluasan ekonomi berasas tani. Semoga lebih banyak peluang pekerjaan dan penambahbaikan taraf dan kualiti kehidupan.
5. Semoga saksama, telus dan berkesan pelaksanaan pelbagai rancangan membantu para petani miskin dan pemilik perniagaan kecil yang baru bermula.
6. Semoga terdedah dan tersingkir sebarang unsur subversif atau kegiatan haram yang bertujuan untuk membawa kemudaratan awam dan kekacauan sosial. Semoga diperkuatkan pasukan polis dan angkatan tentera.
7. Semoga terdapat sikap sederhana dan saling menghormati. Menentang roh yang menjiwai fanatik agama dan sikap ekstremis.

HARI 27 (17 Ogos, Jumaat)

KELANTAN/TERENGGANU



KELANTAN

- Merupakan pusat perdagangan penting pada akhir abad ke-15.
- Pada tahun 1499, Kelantan menjadi negeri di bawah lindungan Kesultanan Melaka.
- Ditakluki Siam pada tahun 1603.
- Kelantan yang ada kini disatukan pada sekitar tahun 1760.
- Abad ke-19 menyaksikan perkembangan birokrasi keagamaan dan perluasan pendidikan Islam.
- Kota Bharu yang dikenali sebagai Kuala Kelantan pada abad ke-19 merupakan pusat nadi aktiviti politik dan ekonomi.
- Selepas Perjanjian Inggeris-Siam 1909, Siam menyerahkan Kelantan kepada Britain.
- Pada Perang Dunia Kedua, Kelantan (bersama Kedah) adalah bahagian pertama di Malaysia yang diduduki Jepun.

TERENGGANU

- Muncul sebagai sebuah kesultanan yang merdeka pada tahun 1724.
- Sultan Pertamanya ialah Tun Zainal Abidin.
- Johor amat mempengaruhi politik Terengganu sepanjang abad ke-18.
- Baginda Umar menyediakan yayasan bagi sebuah sistem kehakiman Islam yang luas. Pada tahun 1869, baginda memantapkan hubungan langsung dengan Britain dalam usaha melindungi Terengganu dari Siam.
- Perlembagaan Terengganu tahun 1911 menyatakan Islam sebagai 'Agama Negeri dan Rasmi'.
- Perjanjian Inggeris-Siam 1909 menyaksikan Siam menyerahkan Terengganu kepada Britain. Seorang Penasihat British dilantik pada tahun 1919.

BERDOALAH

Puji syukur kita kepada Tuhan atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Kelantan dan Terengganu, atas rahmat dan berkat-Nya ke atas rakyat.

BERDOALAH

1. Semoga pihak Kerajaan negeri: memiliki integriti dan kebijaksanaan untuk mengutamakan kepentingan awam daripada keuntungan politik peribadi.
2. Semoga terdapat kecukupan ekonomi, pengagihan kekayaan yang saksama dan penghapusan kemiskinan.
3. Semoga baik pengurusan dana kerajaan dan cekap pelaksanaan projek-projek kerajaan.
4. Semoga lebih banyak pelaburan dan peluang pekerjaan untuk menghindari penghijrahan keluar.
5. Semoga rakyat bebas daripada semua bentuk penipuan spiritual dan kekangan tahyul.
6. Semoga terpelihara kesucian institusi keluarga.
7. Semoga pihak jabatan kebajikan dan sosial dan organisasi kebajikan bekerja bersama-sama untuk menangani secara berkesan masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah, sumbang muhrim dan isu-isu belia.
8. Semoga ada sifat sederhana dan rasa hormat bagi hak asasi manusia dan kebebasan beragama. Menentang roh yang menjiwai fanatik agama dan sikap ekstremis.

HARI 28 (18 Ogos, Sabtu)**SABAH/SARAWAK/LABUAN****SABAH**

- Dikenali sebagai Borneo Utara sebelum tahun 1963.
- Sebahagian daripada Kesultanan Brunei pada awal abad ke-16.
- Pada tahun 1882, Syarikat Borneo Utara British ditubuhkan.
- Pada tahun 1883, ibu negerinya ditukar daripada Kudat kepada Sandakan untuk mengambil kesempatan daripada potensi penghasilan balak.
- Pada tahun 1888 Borneo Utara menjadi sebuah negeri naungan British. Pentadbiran dan kawalan kekal di tangan Syarikat sehinggalah tahun 1942.
- Tentangan paling serius adalah Perang Mat Salleh dari tahun 1894–1900, dan Pemberontakan Rundum oleh puak Murut pada tahun 1915.
- Angkatan tentera Jepun mendarat di Labuan pada 1 Januari 1942.
- Menjadi koloni kerajaan British pada 15 Julai 1946.
- Pada 31 Ogos 1963, Borneo Utara memperoleh kerajaan sendiri dan kemerdekaan daripada British.

LABUAN

- Di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei pada abad ke-14.
- Dijadikan sebahagian daripada Borneo Utara pada tahun 1890.
- Dijadikan sebahagian daripada Wilayah Persekutuan pada tahun 1984.

**SARAWAK**

- Sebagai ganjaran membantu raja muda Brunei menumpaskan pemberontakan, James Brooke diberikan sekeping tanah dan dikurniai gelaran "raja Sarawak" pada tahun 1841.
- Dinasti Raja Sarawak itu memerintah Sarawak dari tahun 1841 hingga 1946.
- Penggunaan kata 'Melayu' sebagai istilah umum untuk orang Islam pada abad ke-19 di Sarawak dikukuhkan menerusi penggunaan istilah itu oleh Brooke.
- Di bawah Charles Brooke, masyarakat Cina bertambah ramai dan digalakkan dalam aktiviti komersial. 'Orang Melayu', sama ada diambil bekerja dalam bidang pentadbiran atau kekal dalam bidang pertanian.
- Jepun menduduki Sarawak pada tahun 1941.
- Pada tahun 1946, Sarawak menjadi koloni British.
- Pada tahun 1963, Sarawak sebuah negeri berautonomi dalam Persekutuan Malaysia.

BERDOALAH

*Puji syukur kita kepada Tuhan
atas kasih kurnia-Nya dan kebaikan pekerjaan-Nya di Sabah,
Sarawak dan Labuan,
atas rahmat dan berkat-Nya ke atas rakyat.*

BERDOALAH

1. Semoga terdapat keadilan serta ketakwaan di semua kementerian dan jabatan Kerajaan. Semoga setiap keputusan dibuat demi kepentingan awam tanpa rasa takut atau terhutang budi.
2. Semoga pihak berkuasa sentiasa berwaspada dan tekun mengekang kegiatan jenayah (contoh: cetak rompak, samseng dan perdagangan manusia).
3. Semoga penyelesaian bagi pendatang tanpa izin dan pelarian adalah saksama dan berperikemanusiaan.
4. Semoga pihak berkuasa dan kumpulan kebajikan komited terhadap penyelesaian masalah para setinggan dan mereka yang tiada tempat tinggal di kawasan bandar.
5. Semoga langkah-langkah yang konkrit dan berkesan diambil demi menaikkan taraf kehidupan kaum miskin luar bandar (contoh: meningkatkan hubungan pengangkutan, penjagaan kesihatan dan kemudahan pendidikan).
6. Semoga pihak berkuasa agama mendukung kebebasan beragama dan menghormati kedaulatan undang-undang.

MINGGU 5

OGOS 19-25

MENURUT SEJARAH,

GEREJA

Pengalaman semasa pendudukan Jepun dan Perang Dunia Kedua menyaksikan penjurusan ke arah gereja peribumi dan keperluan terhadap kepimpinan kebangsaan. Pada tahun 1948, Majlis Kristian Malaysia (*Malayan Christian Council, MCC*) diasaskan untuk menyatukan gereja-gereja Protestan dan menyelaraskan kumpulan misi sewaktu Darurat Persekutuan Tanah Melayu. Selepas Merdeka pada tahun 1957, semakin kuat hasrat untuk mewujudkan identiti Kristian Malaya. Pada tahun 1970-an, perkembangan pengaruh mazhab Pentakosta melalui Gerakan Karismatik menyaksikan pihak Gereja mula membangunkan struktur yang bebas daripada sokongan pihak luar negeri.

Pada tahun 1983 terbentuklah Persaudaraan Kristian Evangelikal Nasional Malaysia yang bertujuan untuk menjadi fokus bagi para gereja evangelikal dan gereja-gereja tempatan bebas. Menyedari perlunya suara yang bersatu apabila berurusan dengan Kerajaan dan badan keagamaan lain, pada tahun 1986 terbentuklah Persekutuan Kristian Malaysia yang terdiri daripada Majlis Kristian Malaysia (dahulunya MCC), mazhab Katolik Roma dan NECF. Majlis Gereja Sabah dan Persatuan Gereja Sarawak memenuhi fungsi yang serupa di Malaysia Timur.

GARIS MASA [Rujukan: *Christianity in Malaysia* (Agama Kristian Di Malaysia)]

1511	Kedatangan mazhab Katolik Roma ke rantau ini.
1641	Kedatangan mazhab Kristian Protestan ke rantau ini.
1815	Persatuan Mubaligh London menubuhkan pangkalan di Melaka dan mubaligh pertama ialah William Milne.
1847	Misi Gereja Borneo di Sarawak diasaskan. Mubaligh pertama ialah Francis T. McDougall.
1860	Permulaan gereja Open Brethren di Malaysia dengan ketibaan John Chapman dari Bristol.
1881	Misi Katolik Roma di Sarawak bermula sempena kedatangan para Paderi Mill Hill ke Kuching pada 10 Julai.

1882	Persatuan Misi Basel menghantar mubaligh ke Sabah. Ia mula menjalankan pelayanan dalam kalangan pehijrah Cina Hakka.
1885	Permulaan misi gereja Methodist dengan ketibaan W. Oldham.
1885	Gereja-gereja First Presbyterian ditubuhkan di Johor.
1890	Methodist Mission Press (kemudian dikenali sebagai MPH) diasaskan.
1901	Wong Nai Siong serta kumpulan pertama ahli gereja Methodist Foochow menetap di Sibiu.
1907	Ibadah tetap yang pertama Gereja Evangelical Lutheran diadakan pada 30 Januari di Kuala Lumpur.
1927	Orang Kristian gereja Mar Thoma bertemu untuk ibadah yang pertama kali di Klang.
1932	Gereja Syria Ortodoks tiba di Malaysia.
1932	Permulaan misi ke suku peribumi Sengoi.
1934	Para mubaligh pertama AOG tiba.
1938	Jemaah gereja Baptist yang pertama ditubuhkan.
1948	Majlis Gereja-gereja di Malaya dan Singapura diasaskan. Majlis itu menjadi CCM pada tahun 1973.
1954	Seminari Teologi Baptist ditubuhkan di Pulau Pinang.
1960	Institut Alkitab Malaysia (kini Maktab Alkitab Malaysia) ditubuhkan oleh AOG.
1963	Pembentukan Sidang Injil Borneo.
1963	Tibalah para mubaligh pertama Evangelical Free Church.
1978	Pembentukan Malaysian CARE, Malaysia Bible Seminary (MBS).
1979	Seminari Teologi Malaysia ditubuhkan dengan daya usaha bersama Gereja Anglikan, Evangelical Lutheran dan Methodist.
1979	Gereja Full Gospel Assembly memulakan ibadahnya di Kuala Lumpur.
1983	Pembentukan Persaudaraan Kristian Evangelikal Nasional Malaysia.
1986	Pembentukan Persekutuan Kristian Malaysia (Christian Federation of Malaysia, CFM).

KATA PARA PEMIMPIN KRISTIAN,

Daya usaha membina negara memerlukan Gereja menjadi suara hati bagi apa yang betul dan suara bagi apa yang adil.

Pastor Jerry Dusing
Presiden, Sidang Injil Borneo Sabah

Warga Kristian yang bertelut dan berdoa merupakan tonggak yang menunjangi sebuah negara.

Bishop Philip Lok
Gereja Lutheran Malaysia dan Singapura

MENURUT ALKITAB,

"Semoga Allah yang mengurniai kita kesejahteraan, menjadikan kamu sungguh-sungguh hidup khas untuk Allah. Semoga Allah menjaga roh, jiwa, dan tubuh kamu, sehingga tidak bercacat cela pada masa Tuhan kita Yesus Kristus datang kembali. Allah yang memanggil kamu akan melakukan hal itu, kerana Dia setia."

1 Tesalonika 5:23-24

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

HARI 29 (19 Ogos, Ahad)

PEMERIKSAAN DIRI YANG AMAT PENTING

Memandangkan mutlaknya keseriusan perkara ini kepada Kristus, pihak gereja di mana-mana pun harus sentiasa dalam keadaan berdoa sambil berfikir dalam-dalam mengenai keadaan rohani sebenar mereka. Asas pemeriksaan diri bukan terletak dalam alam organisasi atau pengurusan tetapi dalam alam rohani.

Sememangnya ketiadaan keprihatinan amat kuat menunjukkan betapa ada alasan untuk berprihatin. Sastera apokaliptik tidak sepatutnya diterima secara literal sebab kata dan perlambangan lazim digunakan untuk menunjukkan sesuatu kesan yang dihajati. Hakikat bahawa tiada satu pun daripada tujuh gereja Asia masih ada

sampai sekarang mungkin atau tidak mungkin membawa maksud yang 'kaki lampu' mereka telah 'disingkirkan'. Ini adalah andaian.

Hanya Kristus sahajalah yang berhak mutlak untuk menegur, memulihkan dan mengeluarkan. Apabila hakikat ini telah dilupai, lazimnya masalah akan menyusul.

Yang perlu diambil perhatian oleh pihak Gereja Malaysia ialah betapa dengan bekerja keras, membuat pengorbanan dan pertumbuhan yang pantas bukannya jaminan bahawa ia akan mempunyai kesan yang berkekalan.

Steven Wong
Forum 5

Semoga gereja-gereja tempatan

1. Mengiktiraf dan sentiasa diingatkan bahawa Kristus ialah kepala Gereja.
2. Akan kekal ghairah tentang Kristus, akan setia dan bertahan sehingga akhir nanti.
3. Memperlihatkan sifat-sifat seperti Kristus, memuliakan Tuhan dan menarik umat manusia untuk kembali kepada-Nya.

HARI 30 (20 Ogos, Isnin)

KEHIDUPAN YANG DITUKAR GANTI

Dengan mengkaji biografi para pemimpin Kristian yang hebat-hebat, kita akan mula melihat pola yang mendedahkan rahsia mereka: Pada mulanya usaha murni mereka untuk melayani Tuhan namun melakukannya berlandaskan kepentingan diri dan usaha sendiri lantas segera menyedari betapa usaha sedemikian tidak membuahkan hasil. Kesudahannya, akan semakin meningkat rasa tidak puas dan tawar hati yang disusuli rontaan rasa untuk menyerah kalah, dan akhirnya, tatkala berada di hujung kemampuan diri, mereka menyerah sepenuhnya lantas menemui bahawa Roh Tuhan menjadi kekuatan, panduan, keyakinan serta teman mereka, yakni menjadi keseluruhan Hidup mereka. Dari dasar kelemahan dan keletihan itu diri mereka dijadikan kuat. Dari wadah ketidakberkesanan dan seolah-olah tidak berguna, mereka menjadi cekap serta ghairah.

Krisis peribadi menjadi kunci untuk menghamparkan rahsia transformasi para individu ini. Itulah permulaan "kehidupan yang ditukar ganti", ungkapan yang pertama kali digunakan oleh Hudson Taylor. Selepas melayani sebagai mubaligh selama enam tahun di China, Taylor terpaksa kembali ke England lantaran menghidap penyakit yang serius. Selama lima tahun berikutnya, kehidupannya tersembunyi daripada pelayan – dilupai manusia tetapi tidak dilupai Tuhan.

Namun, tanpa perkembangan dan ujian dalam beberapa tahun tersembunyi itu, mana mungkin wawasan dan keghairahan seorang belia dimatangkan secara rohani demi menyediakannya untuk menjadi pemimpin kelak?

P. Vijayan
Forum 5

1. Setiap orang Kristian akan menjadi alat untuk maksud yang mulia, dikuduskan dan berguna bagi Tuhan, dipersiapkan untuk setiap pekerjaan yang baik (2 Timotius 2:21).
2. Tuhan melengkapi kita untuk melakukan kehendak-Nya dalam setiap pekerjaan yang baik, dan melakukan apa yang berkenan kepada-Nya (Ibrani 13:21).

Perlukah memperkatakan tentang tadbir urus Gereja? Lagi pun, gereja sudah wujud selama hampir-hampir dua ribu tahun dan cara tadbir urus unggul bagi gereja sepatutnya sudah mantap.

Memandangkan semakin banyak kes perpecahan gereja, skandal gereja akibat kebertanggungjawaban yang lemah, gereja terkekang oleh perundangan, tradisi dan tadbir urus birokratik, barang kali kini wajar dan tepat pada masanya kita mengkaji semula beberapa prinsip Alkitab yang menjadi dasar dan penerapannya dalam membaharui dan mengubah gereja tempatan.

Gereja tempatan wajib setia menurut panggilan dan tujuannya serta berkesan dalam menjalani misinya bukan sekadar sebagai gereja tempatan tetapi sebagai bahagian penting kerajaan Tuhan. Sementara itu, kita peka betapa gereja beroperasi dalam persekitaran duniawi yang dinamik dan sentiasa mengalami perubahan dan terjejas oleh keadaan sosial, politik dan ekonomi yang berubah-ubah yang mempengaruhi jiwa, minda dan kesejahteraan fizikal para anggota jemaahnya.

Paul Low
Forum 5

1. Semoga memiliki kebijaksanaan dan kearifan dalam menstrukturkan pentadbiran gereja yang berganding baik dengan pelayanan.
2. Semoga para pemimpin Gereja
 - a. Melayani Tuhan dengan rendah hati.
 - b. Menjadi unggul.
 - c. Memikul tanggungjawab untuk menggunakan kekuasaan yang dianugerahi Tuhan dengan tepat.
 - d. Bersedia mendapatkan nasihat mengikut ajaran Tuhan dari kalangan sebaya dalam barisan kepimpinan (Amsal 11:14; Kisah Para Rasul 15:22; 16:4).
 - e. Bersedia dipertanggungjawabkan.

Kebanyakan ahli teologi menyuarakan kebimbangan mereka betapa Gereja sepatutnya mempengaruhi keadaan luaran, tetapi sebaliknya keadaan luaran yang mempengaruhi Gereja. Mereka memanggilnya *pengkorporatan gereja* atau "kebalikan kesan garam dan terang dunia". Proses pengkorporatan dianggap sebagai tersembunyi dan berbahaya serta ancaman yang terselindung.

Namun, kemunculan gereja-gereja 'mega' atau besar, proses pengkorporatan seolah-olah telah memuncak. *Pemacu korporat* penting diterapkan dalam pengurusan gereja

dan pertumbuhan gereja. Antaranya ialah: berakal mengikut trend pasaran, ibadah teknologi tinggi, pengiklanan dan promosi, teknologi, keprofesionalan, mutu eksport, pangkat dan istilah yang digunakan serta konsep kecemerlangan khidmat pelanggan.

Keadaan luaran memiliki cara yang amat licik untuk menyusup masuk ke dalam pelayanan, kepercayaan, amalan dan pentadbiran gereja orang Kristian dan tanpa disedari kita mungkin terbentuk mengikut telunjuknya.

Cheong Seng Gee
Forum 5

Semoga gereja-gereja tempatan

1. Kembali kepada Kasih Pertama, tidak akan mencintai dunia atau segala benda di dunia.
2. Mempengaruhi dunia dengan sifat-sifat murni Tuhan, menyediakan penyelesaian alternatif yang memperlihatkan cara-cara Tuhan, serta tidak ditenggelami oleh badai berupa kaedah-kaedah duniawi.
3. Tidak menjadi serupa dengan dunia, tetapi berubah oleh pembaharuan akal budi sehingga dapat mengetahui mana kehendak Tuhan dan apa yang baik, yang berkenan kepada Tuhan dan yang sempurna (Roma 12:2).

HARI 33 (23 Ogos, Khamis)

PENGETAHUAN TENTANG ALKITAB DAN MASYARAKAT KRISTIAN

Cara paling lazim untuk memperoleh ilmu tentang (kecekapan dalam) sesuatu bahasa adalah untuk masuk dalam komuniti yang bertutur bahasa tersebut. Tentunya kelas-kelas formal dan amalan makmal bahasa boleh mengajar. Namun, itu sahaja tidak mungkin mengangkat kita ke tahap kefasihan yang tinggi.

Begitu jugalah, di samping memupuk pengetahuan Alkitab dengan memasukkan diri kita dalam cerita Alkitab, kita perlu turut memasukkan diri dalam masyarakat Kristian yang dijiwai secara penuh oleh kebenaran yang terkandung di dalam Alkitab. Ini juga sama dengan memasukkan diri dalam dunia cerita Alkitab, sebab

komuniti ini sebahagian daripada dunia itu, dan menempatkan dirinya dalam ruang di antara Kisah Para Rasul 24 dengan Wahyu.

Malah, seperti yang disebut oleh D.H. Williams dalam *Evangelicals and Tradition: The Formative Influence of the Early Church*, "orang yang beriman tidak percaya dan lebih penting lagi, mereka terus mempercayai pada pengasingan. Alkitab hanya mampu difahami apabila berada di tengah-tengah masyarakat orang beriman yang berdisiplin yang amalan mereka dijiwai oleh kisah yang tertera dalam Alkitab.

Leong Tien Fock
Forum 5

1. Semoga terdapat komuniti orang beriman yang berdisiplin yang benar-benar menghayati prinsip Alkitab dalam semua aspek.
2. Semoga gereja-gereja tempatan menyedari peranan mereka untuk memupuk masyarakat Kristian yang dijiwai kebenaran Alkitab agar orang Kristian akan mampu
 - a. Memahami Tuhan atas seluruh Alkitab.
 - b. Memahami komitmen Tuhan atas seluruh masyarakat dan semua negara.

HARI 34 (24 Ogos, Jumaat)

BELIA KRISTIAN

Barisan isu dan cabaran yang melibatkan para belia Kristian Malaysia telah disoroti oleh kedua-dua NECF Malaysia dalam acara Rundingan Pekerja Belia 2005 dan Pusat Penyelidikan Kairos dalam edisi September majalahnya *Understanding the Modern World through Christian Eyes* (Memahami Dunia Moden menerusi Mata Kristian) yang bertemakan "Cabaran Belia".

Dalam penerbitan kedua itu, penulisnya mengenal pasti tiga faktor yang menyumbang terhadap sikap memberontak dalam diri belia Kristian, yang diberinya istilah "kecuaiian tidak berbahaya", "tekanan akibat jangkaan" dan "keluarga yang tidak berfungsi".

Malah "kecuaiian tidak berbahaya" merupakan faktor penyumbang utama terhadap bukan hanya pemberontakan dalam kalangan belia Kristian hari ini tetapi ia halangan utama yang menghindari mereka daripada datang kepada Yesus. Apa yang disebut sebagai "kecuaiian tidak berbahaya" ini tidak bermula sebagai masalah belia tetapi masalah sejak zaman bayi lagi.

Barisan isu dan cabaran yang menjelma dalam kalangan belia Kristian sebenarnya merupakan barometer yang mengukur kesihatan rohani Gereja secara am dan kanak-kanaknya secara khusus.

Minni Ang
Forum 5

1. Semoga Gereja tempatan mendahului usaha memelihara kesucian institusi keluarga.
2. Semoga lebih erat ikatan antara para ibu bapa Kristian dengan anak-anak mereka.
3. Semoga para ibu bapa Kristian
 - a. Menyedari kepentingan memanfaatkan masa berkualiti dengan anak mereka.
 - b. Tidak membangkitkan kemarahan dalam hati anak-anak mereka tetapi mendidik mereka dalam ajaran dan nasihat Tuhan (Efesus 6:4).
4. Semoga para belia: memiliki roh rendah hati, keyakinan, penyerahan dan kelembutan.

HARI 35 (26 Ogos, Sabtu)

PENDIDIKAN TEOLOGI

Apa yang berlaku di Afghanistan, Timur Tengah dan di tempat-tempat lain sejak peristiwa dahsyat berupa pengeboman Menara Berkembar New York pada 11 September seolah-olah telah menguatkan lagi persepsi bahawa tidak kira sama ada dalam dunia Kristian mahupun Islam, para "ahli teologi" berbahaya ataupun tidak relevan.

Malahan peristiwa sedemikian boleh digunakan untuk menunjukkan kebenaran dakwaan sebaliknya bahawa: Kegagalan untuk merenungi secara kritis dan mempraktikkan teologi dengan betul, membawa kepada kemungkinan muncul bukan sahaja kumpulan Islam ultra fundamentalis sayap kanan seperti Taliban atau Al-Qaeda, tetapi juga para "evangelikal" sayap kanan ultra pengetuk Alkitab yang diberi jolokan "Taliban Kristian".

Di tahap lain, tanpa renungan berasaskan teologi, kita boleh nampak

yang jika sesetengah orang Islam secara membuta tuli bersikap pro-Arab dan semua yang bersifat Arab, ada juga sesetengah Kristian yang membuta tuli pro-Yahudi dan semua yang bersifat Yahudi.

Meskipun kini terdapat lebih banyak perpaduan atau toleransi di kalangan gereja, sebagaimana di kalangan seminari utama, masih berterusan ketegangan antara Gereja dengan Seminari.

Bagi Seminari, perbuatan mengikut sahaja perintah dan kerahan Gereja secara tidak kritis bererti ia kehilangan sifat saksi intelek dan nubuatnya terhadap kesucian dan kesatuan segala kebenaran. Namun, ketiadaan pemahaman dan penghayatan Seminari terhadap Gereja bakal menjadikan Seminari menara gading tidak relevan tanpa asas penggembalaan.

Rev. Loh Soon Choy
Forum 5

1. Semoga akrab perkongsian antara Seminari dengan gereja-gereja tempatan dan bekerja menjurus kepada saling membantu dan melengkapi demi Amanah Agung-Nya.
2. Semoga Seminari menyedari peranannya untuk memperkasakan para pendiri gereja menerusi pendidikan yang wajar lagi relevan.

MINGGU 6
OGOS 26-30

MENURUT SEJARAH,

MENGUBAH NEGARA

Gereja menerima seruan untuk mengubah masyarakat. Perubahan bermula apabila para individu dan kumpulan menyahut seruan Tuhan untuk menjadi garam dan terang dunia.

Ada sesetengah yang meninggalkan rumah dan kampung halaman demi menyahut panggilan-Nya. Pada berabad-abad nan lalu, para mubaligh Barat datang ke bumi kita untuk menyampaikan Berita Baik dan menubuhkan sekolah, hospital dan pelayanan bentuk lain demi kebaikan mereka yang memerlukannya. Wajah negara kita diubah secara kekal berkat pengorbanan mereka ini.

Yang lainnya menyahut seruan-Nya di tempat mereka sendiri. Selepas Merdeka, orang Kristian tempatan mengambil alih tugas mengepalai pelayanan Kristus di Malaysia. Begitu mengagumkan berapa ramai orang yang kini boleh menjejak titik perubahan dalam kehidupan masing-masing berkat kegiatan gereja atau seorang pastor. Pada bulan November 1978, tertubuhlah Malaysian CARE. Kini ia anggota penting gereja evangelikal yang mengkhususkan khidmat kebajikan sosial. Pelayanan Kristian terhadap kumpulan tertentu seperti para eksekutif korporat, kaum wanita, belia dan para pelajar, terus mengangkat manusia daripada keadaan tidak berapa baik dan menjadikan mereka bersinar bak bintang bagi Yesus Kristus dalam semua bidang yang diusahakan. Maka, negara pun mengalami perubahan.

Namun begitu, pihak Gereja mampu melakukan lebih banyak lagi. Garam dan cahaya paling berkesan jika tersebar meluas. Lantas orang Kristian perlu keluar daripada zon selesa masing-masing seandainya mereka ingin supaya berkesan. Tidak memadai setakat gereja bak cendawan memenuhi landskap zahir Malaysia. Wawasan kita agar tertubuh sebuah negara berlandaskan prinsip Kristian berupa kasih sayang dan keadilan.

Sandy Tan

KATA PEMIMPIN KRISTIAN,

"Pada hemat saya Hudson Taylor ialah orang yang pernah katakan, 'Saya yakin hanya doa yang mampu menggerakkan hati manusia'. Kebanyakan kita sudah mulai hilang keyakinan terhadap kuasa doa. Sebab itu kita berusaha begitu kuat mengerahkan seluruh kemampuan fizikal namun mencapai hasil yang langsung tidak bertahan lama. Keperluan dan mustahaknya berdoa dipikul, terutamanya oleh para pemimpin Kristian. Kita perlu berubah dari dalam agar hati kita kembali berpusat kepada Tuhan. Barulah kita mampu lebih banyak berdoa sebab kita lebih mempercayai-Nya, percaya yang Dia pasti melakukannya. Kita akan terus berusaha gigih melayani-Nya – namun dengan berdoa, itu pekerjaan iman dan bukannya hasil kerja usaha fizikal."

Bishop Albert Vun
Keuskupan Gereja Anglikan Sabah

MENURUT ALKITAB,

"Semua itu dilakukan oleh Allah. Melalui Kristus, Allah sudah mengubah kita daripada musuh menjadi sahabat-Nya. Dia juga menugaskan kita supaya menjadikan orang lain sahabat-Nya juga. Inilah yang kami isytiharkan: Melalui Kristus, Allah menjadikan semua orang sahabat-Nya. Dengan rela hati Allah mengampunkan dosa mereka. Dia sudah menugaskan kami untuk memberitakan hal itu."

2 Korintus 5:18-19

UNTUK RENUNGAN MINGGUAN ANDA

HARI 36 (26 Ogos, Ahad)

PELAYANAN PENDAMAIAAN

Sifat semula jadi kita manusia membuat kita sanggup berjuang demi mempertahankan hak kita tetapi bukan hak orang lain, tetapi jika kita terus berbuat begitu, kita semakin menebalkan lagi persengketaan sesama sendiri dan akhirnya boleh saling membinasakan sesama kita. Perlulah ada kompromi dan pengorbanan. Apabila kita boleh mengasihi serta membantu mereka yang miskin dan memerlukan biarpun mereka bukan dalam komuniti atau etnik kita, barulah ternyata kasih terhadap Tuhan dalam hati kita. Sukar untuk menentang kasih sayang.

Lalu, bagaimana harus kita jalani kehidupan kita? Saya percaya bahawa kita harus mula mengasihi para jiran kita dan mengharapkan kebaikan untuk mereka. Kita melakukan itu dengan

memasuki dunia mereka, memahami kedudukan mereka dan membantu mereka secara praktikal. Tidak perlu kita berbual dengan sahabat kita tetapi dengan musuh kita. Kita harus membantu mewujudkan suasana yang memungkinkan ada persahabatan sejati, di mana kita tahu kita boleh saling mempercayai sebab orang lain bukan berhasrat memburukkan tetapi menambah baik kehidupan kita.

Apabila kita cecak untuk terus mengasihi orang lain sebagaimana kita mengasihi diri sendiri, kita membina jambatan persahabatan sejati serta merobohkan benteng permusuhan dan syak wasangka. Maka, akan reda ketakutan dan bakal terbuka jendela hati.

Living Lee
Forum 5

BERDOALAH

1. Semoga orang Kristian benar-benar mengasihi para jiran kita sebagaimana diri kita sendiri tanpa menyimpan niat tersembunyi.
2. Semoga orang Kristian
 - a. Bijak dan memiliki kefahaman serta memperlihatkan pekerjaan baik dalam kelembutan kebijaksanaan.
 - b. Melenyapkan cita-cita berbau serakah dan keangkuhan, jika ada.
 - c. Menjadi pendamai yang menyemai benih ketakwaan dalam keamanan (Yakobus 3:13-18).

Dalam dokumen tahun 1984 Urus setia bagi Bukan Kristian, "*The Attitude of the Church towards the Followers of other Religions: Reflections and Orientations on Dialogue and Mission*," misi penginjilan Gereja terdiri daripada unsur utama berikut: Adanya orang yang menyampaikan kesaksian, komitmen terhadap perkembangan sosial dan pembebasan insan, kehidupan beribadah, berdoa dan renungan, dialog antara agama, dan akhir sekali perisytiharan dan ajaran agama. Dalam ruang lingkup takrif ini, perisytiharan hanya satu yakni menerusi unsur asas penginjilan.

Sebagai orang Kristian Malaysia, kita tidak boleh mengabaikan hakikat bahawa meskipun ada tentangan kuat

terhadap Injil, ladang tuaian amat luas, cuma amat kurang tenaga kerjanya. Mungkin ada pelbagai alasan bagi tentangan, misalnya ikatan tradisi dan budaya yang kuat di kalangan kaum tertentu dan pada masa yang sama, agama Kristian dilihat sebagai sebuah agama orang Barat. Cabaran lain mungkin termasuk keadaan politik dan ekonomi yang melalui perubahan.

Berita baiknya ialah bahawa pihak gereja tempatan kini melihat dengan pandangan yang baru lagi segar akan peranan mereka sebagai gereja pelaksana misi, yang sedia melibatkan diri dalam pembangunan negara dan bangsa.

Teresa Chai
Forum 5

- BERDOALAH
1. Semoga Gereja
 - a. Pertimbangkan secara serius rancangan jangka panjang fasal misi tempatan dan tidak lagi secara "sentuh lantas berlalu pergi".
 - b. Menyedari bahawa usaha mendamaikan adalah bahagian penting dalam misi Gereja.
 2. Latihan mubaligh yang khasnya diadakan bagi kaum muda.

Urajan turun-temurun ialah urapan yang boleh diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Ini jelas terbukti dalam kehidupan Timotius. Keimanan sejati mula-mula sekali dimiliki neneknya, Lois dan seterusnya ibunya, Eunike (1 Timotius 1:5).

Seorang taikun atau hartawan perniagaan pasti inginkan perniagaan keluarga diwarisi oleh keturunannya sampai bila-bila. Lalu dia memberi semua anaknya pendidikan dan latihan yang terbaik dan mengharap

mereka akan berjaya mengambil alih perniagaannya pada masa mendatang. Dunia menganggapnya malang apabila lelaki yang berjaya tidak punya waris untuk mewarisi kekayaannya.

Seandainya kita benar-benar percaya bahawa kanak-kanak merupakan Gereja hari esok, sememangnya kita perlu mendidik mereka menjadi Gereja hari ini. Cara pihak Gereja melatih kanak-kanak hari ini mempunyai kesan sepanjang hayat pada masa mendatang.

Clarine Chun

- BERDOALAH
1. Semoga ibu bapa menyedari dan menunaikan tanggungjawab mereka memberi pupuk rohani kepada anak-anak mereka dan tidak menyerahkan bulat-bulat tugas itu kepada para petugas pelayanan kanak-kanak.
 2. Semoga para pemimpin Gereja menyedari kepentingan pelayanan kanak-kanak serta memberikan sokongan penuh mereka dalam semua bidang.
 3. Semoga kanak-kanak:
 - a. Mengasihi Yesus dan mencintai Firman-Nya.
 - b. Terpelihara kemurnian hati dan kebersihan jiwa mereka.

HARI 39 (29 Ogos, Rabu)

PELAYANAN BELIA

Sekiranya Gereja mahu menjadi agen transformasi, para pemimpin Gereja masa depan perlu tercabar, mendapat inspirasi dan terarah oleh hasrat itu.

Bahaya yang kita hadapi kini ialah hakikat bahawa banyak pelayan belia memilih jalan selesa dan mudah dan bukannya cabaran dan keyakinan. Trendnya kini seolah-olah pelayan belia yang berjaya melibatkan belanjawan yang besar lantas pelayan itu harus mahal kosnya. Pada masa yang sama, kita turut menyukarkan gereja yang menghadapi kesempitan kewangan untuk mengadakan pelayan belia.

Jika trend sedemikian berterusan, yang bakal kita warisi bukannya semangat perubahan tetapi jiwa pak turut. Para belia, seperti juga Gereja, hidup dan disegarkan oleh cabaran dan bukannya keselesaan.

Seandainya Gereja Malaysia yang bakal muncul berhasrat mempunyai tujuan dan kuasa membawa perubahan, kita wajib memulakannya hari ini juga dengan menggalakkan belia kita menyempurnakan perjalanan iman dan kepercayaan kepada Tuhan kerana itulah yang melengkapkan diri mereka untuk membawa perubahan sebagai garam dan cahaya dunia. Itulah agen perubahan bagi hari esok.

Kenneth Chin

1. Semoga reda ketegangan antara para pemimpin dengan belia yang tidak puas hati.
2. Semoga para pemimpin membangunkan golongan muda supaya mengikut jalan Tuhan dan bersedia melepaskan mereka untuk mengikut rancangan Tuhan kepada mereka.
3. Semoga golongan muda dibangkitkan dari segi rohani menerusi cabaran dan keyakinan.
4. Semoga baik ibu bapa mahu pun belia meninggikan Tuhan mengatasi segala-galanya, tidak mudah terpengaruh oleh pendapat popular (misalnya, kelas tuisyen tidak akan diutamakan lebih daripada kelas pengajian Alkitab).
5. Semoga para pemimpin belia: diberkati dengan kebijaksanaan, kekuatan, kesabaran dan tegas menegakkan prinsip berlandaskan ajaran Tuhan.

HARI 40 (30 Ogos, Khamis)

PELAYANAN KELUARGA

Sering dipetik ungkapan bahawa, "Keluarga merupakan unit asas masyarakat dan kekuatan ikatan kekeluargaan menentukan kekuatan negara".

Kitab Kejadian memberitahu kita bahawa Tuhanlah yang menginstitusikan keluarga apabila Dia memberikan Adam seorang teman pembantu sebab tidak baik bagi seorang lelaki untuk sendiri-sendiri. Oleh itu, sengaja berusaha membangunkan sebuah keluarga yang kuat lagi stabil sememangnya menghormati apa yang digagaskan Tuhan. Hasilnya akan terbangunlah sebuah masyarakat serta negara yang kuat.

Namun, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga pada hari ini amat

luas dan pelbagai sifatnya. Mungkin cabaran berbentuk emosi, fizikal, sosial, intelektual mahupun rohani. Maka keperluan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan demi mengukuhkan peranan dan tanggungjawab kita sebagai suami dan isteri serta juga anak dan ibu bapa menjadi lebih mustahak dari masa-masa sebelumnya.

Kita sebagai anak-anak Tuhan perlu menjadi pemangkin perubahan untuk tujuan membina keluarga yang kuat. Apabila institusi asas dan fundamental berupa keluarga sudah mantap, barulah akan berlaku perubahan dalam negara kita.

Lee Wee Min

1. Semoga semua keluarga Kristian menyedari bahawa KELUARGA merupakan
 - a. Barisan pertahanan pertama dalam hal pendidikan nilai murni, akhlak, nafkah, keadilan dan kasih sayang.
 - b. Perjanjian amat suci yang bertujuan untuk menghasilkan persamaan dengan Kristus dalam diri kita semua.
2. Semoga wujud kehormatan dan penyerahan dalam keluarga di mana kasih sayang berkuasa sepenuhnya.

(31 Ogos, Jumaat)

PELAYANAN BANTUAN

Kepesatan pembangunan meningkatkan tekanan terhadap keluarga dan masyarakat.

Dalam dunia korporat, perubahan terjadi sebegitu pantas sehinggakan kemahiran serta pendekatan baru sudah menjadi keperluan yang rutin demi mengekalkan daya saing. Desakan permintaan, waktu kerja yang lama, gaji yang kompetitif dan perubahan berterus-terusan kini merupakan kelaziman. Tekanan sebegini yang dihadapi para pekerja di segenap tahap, tersalur dan meresap kepada keluarga para pekerja.

Kanak-kanak di sekolah perlu memperoleh lebih banyak kemahiran dan ilmu pengetahuan dalam masa yang lebih singkat untuk terus mengungguli kelas masing-masing. Para ibu bapa pula bergelut dengan kuasa global demi mengekalkan keutuhan keluarga dan supaya keluarga tidak berpecah. Semua orang berlumba-lumba untuk mencapai kecemerlangan agar dapat manfaat daripada pemodenan. Paradoksnya ialah bahawa: Setelah mencapai dan memperoleh sebegitu banyak, amat sedikit berbaki masa dan tenaga untuk menikmati hasil pencapaian itu bersama keluarga dan masyarakat.

Pada masa yang sama, tercetus masalah masyarakat hasil ketidakseimbangan pendapatan dan kadar penghijrahan yang tinggi orang miskin luar bandar ke kawasan bandar. Akibat proses ini, muncul perumahan kos rendah, rumah-rumah panjang serta peningkatan bilangan petempatan setinggian yang membentuk kejiranan sesak golongan berpendapatan rendah yang memangkinkan pertumbuhan beraneka gejala sosial. Para belia mudah terjebak dengan gejala samseng dan dadah. Masalah ini dikusutkan lagi oleh polarisasi kaum serta isu rasuah.

Kini kira-kira 4 juta penghuni pusat-pusat bandar mempunyai purata pendapatan isi rumah kurang daripada RM1,200.00 sebulan.

Pihak Kerajaan, sektor perniagaan dan masyarakat awam perlu berganding tangan demi menangani dan mengatasi segala cabaran ini. Dengan demikian, memang maha penting daya usaha Kerajaan untuk mengurangkan rasuah, menguatkan perpaduan nasional dan pengagihan kekayaan.

Kon Onn Sein

BERDOALAH

1. Semoga terdapat dasar-dasar yang saksama serta berkesan pula pelaksanaan dasar pembanterasan kemiskinan dalam kalangan semua komuniti etnik.
2. Semoga Gereja
 - a. Melibatkan diri di semua peringkat secara berkongsi dengan Kerajaan, pertubuhan perniagaan dan NGO untuk memerangi rasuah, perkauman, dan berusaha untuk pengagihan kekayaan yang lebih adil.
 - b. Giat melibatkan diri dalam pelayanan sosial untuk membantu komuniti berpendapatan rendah yang mudah dimangsakan oleh anasir-anasir jahat.
 - c. Mengongsi kebimbangan serta menghayati keprihatinannya dalam komuniti berpendapatan rendah.
 - d. Menangani dasar-dasar dan struktur yang tidak saksama yang menyebabkan kaum miskin terpinggir.

BERDOALAH

SUMBER

1. Barbara dan Leonard Andaya, *A History of Malaysia* (Sejarah Malaysia), Hampshire, Eng.: PALGRAVE, 1982, 2001.
2. Kamal Hassan dan Ghazali Basri (eds), "Agama dan Kepercayaan", *The Encyclopedia of Malaysia*, Jil. 10, Singapura: Archipelago Press, 2005.
3. Leon Comber, *13 May 1969: A Historical Survey of the Sino-Malay Relations*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books, 1983, 1986.
4. *Forum 5: A Spiritual Healthcheck of the Church in Malaysia* (Pemeriksaan Kesehatan Spiritual Gereja di Malaysia), Petaling Jaya: NECF Malaysia, Feb 2007.

YUDAS 24–25

*Allah, yang dapat menjaga kamu supaya tetap beriman, dan yang dapat membawa kamu ke hadirat-Nya yang mulia dengan sukacita dan tanpa cela,
Dialah satu-satunya Allah, Penyelamat kita melalui Yesus Kristus Tuhan kita. Dialah Allah yang mulia, agung, berkuasa, dan berwibawa sejak dahulu kala sehingga sekarang dan selama-lamanya! Amin.*

PENYELARAS BANDAR

Kangar	Ps. Lim Wai Ming	012-4771956
Langkawi	Rev. John Gomez	012-4389495
Alor Setar	Rev. Leonard Lim	04-7331712
Sungei Petani	Rev. Albert Low	017-4331537
Kulim	Ps. Silas Singh	017-4618211
Baling	Ps. Gilbert Sarjivi	013-4825978
Penang	Rev. Koe Choon Huan	04-8280322
Seberang Prai	Ps. Suguna Raj	04-5820136
Taiping	Ps. Simon Chandran	05-8079293
Kuala Kangsar	Ps. Gan	016-2226189
Ipoh	Rev. Christie Kuan	016-5577202
Cameron Highlands	Rev. David Cheong	05-4913249
Sitiawan	Dr. Chan Geok Oon	016-2088577
Telok Intan	Rev. Rachael Kamala	05-6211392
Rawang	Ps. David Tan	03-60918150
Klang Valley	Dr. Tan Nget Hong	012-3817856
Kajang	Rev. Chan Nam Chen	03-87361890
Klang	Ps. Rajan Ratnam	03-33240957
Banting	Ven Canon Sam	03-31876003
Seremban	Rev. David Rajiah	06-7624937
Tampin	Rev. Moi Kim	019-3060083
Port Dickson	Rev. Zadok	012-2971531
Melaka	Ps. James Khrisnan	017-6712077
Batu Pahat	Rev. Ruth Tan	012-7279280
Labis/Segamat	Rev. Michael Martin	013-7363018
Kluang	Rev. Sunther	019-7267634
Kulai	Rev. Benedict Mutasamy	016-6638789
Johore Bahru	Ps. Tay Wah Seng	016-7336622
Kota Tinggi	Ps. Tee	012-7574170
Kota Bahru	Ps. Hendersen Wee	013-9380950
Kuala Terengganu	Dr. Cheryan	012-9637842
Dungun	Ps. Patsy Lim	013-9319971
Mentakab	Rev. Mark Makenthiran	09-2775005
Kuantan	Rev. Richard Ong	019-9865561
Kuching	Ps. Rodney Achil	013-8165677
Miri	Rev. Justin Wan	013-5777003
Bintulu	Rev. Hii Kong Ching	086-252651
Sibu	Rev. Kong Chong Ling	084-339188
Labuan	Rev. David Wong	012-8180665
Kota Kinabalu	Ps. Chin Chi Kiong	012-8283116
Tawau	Ps. Flora Chong	089-772212
Lahad Datu	Ps. Daniel Chong	089-881891
Sandakan	Ps. Johnny Wong	019-5833727

RENUNGAN

KEBAJIKAN

Menaburkan harga makanan (sampul surat disediakan)

BERDOA TERUS-MENERUS

Log masuk ke *www.necf.org.my*

NOTA: Untuk mendapat maklumat mengenai negeri-negeri dan wilayah-wilayah persekutuan, sila log masuk di *www.necf.org.my For Your Intercession.*